

**KAJIAN MENGENAI PEMULIHARAAN RUMAH PURA  
TANJUNG SABTU DI TERENGGANU**

**NORAISHAH BINTI ISMAIL**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**2023**



**KAJIAN MENGENAI PEMULIHARAAN RUMAH PURA TANJUNG SABTU  
DI TERENGGANU**

Oleh

**NORAISHAH BINTI ISMAIL**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

FYP FTKW

## PERAKUAN TESIS

FYP FTKW

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa universiti malaysia kelantan mempunyai hak berikut :


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandangan

  
990206145754

Tarikh: 25 FEBRUARI 2023

Tandatangan Penyelia Utama

  
DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN  
*Dr. Ainul Wahida binti Radzuan*  
Senior Lecturer  
Department of Heritage Studies  
Faculty of Creative Technology and Heritage  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
16300 Kelantan, Malaysia

25 Feb 2023

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Asaalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T, atas izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya selesaikan projek penyelidikan saya ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pertamanya, ingin saya ucapkan setinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr Ainul Wahida Binti Radzuan di atas tunjuk ajar, sokongan, nasihat dan bimbingan beliau sehingga memberi kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada pihak institusi kajian ini iaitu Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini dan membantu dari segi prosedur ketika melakukan kajian ini.

Seterusnya, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya serta ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan dan doa yang membantu saya dalam menghasilkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada rakan seperjuangan yang turut bersama saya dalam menyiapkan tesisi serta sering berkongsi maklumat antara satu sama lain. Segala pengorbanan dan bentuk bantuk yang diberikana amatlah saya hargai dan ingati.

Akhir kata, penghargaan ini ditujukan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan buah fikiran dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini dapat memberi panduan kepada para pengguna dan pengkaji di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

FYP FTKW

## **KAJIAN MENGENAI PEMULIHARAAN RUMAH PURA TANJUNG SABTU DI TERENGGANU**

### **ABSTRAK**

Rumah Pura Tanjung Sabtu merupakan koleksi rumah tradisional Terengganu. Namun, ia tidak diselenggara dengan baik selepas kematian pemiliknya, Tengku Ismail Bin Tengku Su. Kesannya, Pura Tanjung Sabtu terbiar dan tidak dipelihara dengan baik sehingga sebahagian rumah itu dicuri. Oleh itu, kajian ini mengenal pasti proses pemuliharaan untuk mengawal kerosakan di rumah Pura Tanjung Sabtu. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama: untuk mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu, mengkaji jenis kerosakan rumah Pura Tanjung Sabtu, dan menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam memulihara rumah Pura Tanjung Sabtu. Kajian ini menggunakan kaedah campuran dengan menemu bual tiga orang responden, membuat tinjauan terhadap 183 pihak berkepentingan berkaitan Pura Tanjung Sabtu dan membuat pemerhatian proses pemuliharaan di Pura Tanjung Sabtu. Kesemua data dianalisis melalui analisis tematik bagi analisis kualitatif dan analisis deskriptif bagi data kuantitatif. Hasilnya, kajian ini telah berjaya mengeluarkan lima tema yang berkaitan dengan kajian iaitu sejarah Pura Tanjung Sabtu, bentuk rumah di Pura Tanjung Sabtu, fungsi rumah Pura Tanjung Sabtu kepada penduduk setempat, punca-punca kerosakan, dan usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memulihara dan memelihara rumah Pura Tanjung Sabtu. Kesimpulannya, kajian ini perlu untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan rumah Pura Tanjung Sabtu, kerosakan dan proses pemuliharaan bagi melindungi dan memelihara kepentingan bangunan tempatan dan tradisional untuk generasi akan datang.

Kata kunci: Rumah Pura Tanjung Sabtu, Rumah Tradisional, Kerosakan, Pemuliharaan, Pihak berkepentingan

# A STUDY ON CONSERVATION OF PURA TANJUNG SABTU HOUSES IN TERENGGANU

## ABSTRACT

Rumah Pura Tanjung Sabtu is a collection of traditional houses of Terengganu. However, it was not well maintained after the death of its owner, Tengku Ismail Bin Tengku Su. As a result, Pura Tanjung Sabtu was abandoned and not well preserved until parts of the house were stolen. Therefore, this study explored the conservation process to control the damage at Pura Tanjung Sabtu houses. This study has three main objectives: to identify the public perception of the Pura Tanjung Sabtu houses, to investigate the types of damage to the Pura Tanjung Sabtu houses, and to examine the roles of stakeholders in conserving the Pura Tanjung Sabtu houses. This study used mixed methods by interviewing three respondents, surveying 183 relevant stakeholders of Pura Tanjung Sabtu and observing the conservation process at Pura Tanjung Sabtu. All the data were analysed through thematic analysis for qualitative and descriptive analysis for quantitative data. As a result, this study has successfully extracted five themes related to the study of the history of Pura Tanjung Sabtu, the types of houses at Pura Tanjung Sabtu, the roles of Pura Tanjung Sabtu houses to the locals, the causes of dilapidation, and the efforts made by stakeholders in conserving and preserving Pura Tanjung Sabtu houses. In conclusion, this study is necessary to gain a deeper understanding of the significance of the Pura Tanjung Sabtu house, the damage and the conservation process to protect and preserve the significance of the local and traditional buildings for future generations.

Keywords: Pura Tanjung Sabtu House, Traditional House, Dilapidation, Conservation, Stakeholders

	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Rajah 2.1</b>	<i>Ladder of Participation</i> oleh Sherry Rubin Arnstein (1969)	24
<b>Rajah 3.1</b>	Proses Analisis Data	37
<b>Rajah 3.2</b>	Transkrip yang ditulis oleh pengkaji	38
<b>Rajah 3.3</b>	Tema ditentukan dan ditulis pada kanan transkrip	39
<b>Rajah 4.1</b>	Pelan rumah Pura Tanjung Sabtu dari pandangan atas	54
<b>Rajah 4.2</b>	Lakaran Kompleks Istana Sultan Mansur Terengganu pada abad ke-18 yang dilukis oleh Hazrul Halim	57
<b>Rajah 4.3</b>	Pedimen gaya tengah klasik yang menggabungkan panel dinding gaya luk fak.	59
<b>Rajah 4.4</b>	Bumbung berpeleh yang sedang dibina oleh tukang rumah di rumah Pura Tanjung Sabtu.	59
<b>Rajah 4.5</b>	Kerja-kerja proses nanggang iaitu pasang di bawah hingga siap, buka dan pasang semula di atas.	60
<b>Rajah 4.6</b>	Struktur kayu bumbung dipasang sebelum dinaikkan di atas kabin dan dipasang dengan jubin.	60
<b>Rajah 4.7</b>	Rumah Ibu Seberang Baroh yang dijadikan sebagai balai resepsi berunsurkan seni bina Thailand	61
<b>Rajah 4.8</b>	Teres rumah bangsawan Siam sering berpusat pada pavilion terbuka, atau ho klang, seperti yang dilihat di Rumah Khun Phaen di wilayah Ayutthaya.	62
<b>Rajah 4.9</b>	Tangga asal pada struktur rumah Pura Tanjung Sabtu hilang dan digantikan dengan tangga sementara.	66
<b>Rajah 4.10</b>	Kayu yang telah dimakan oleh agen perosak (anai-anai).	67

<b>Rajah 4.11</b>	Kayu pada lantai rumah kayu yang telah patah.	68
<b>Rajah 4.12</b>	Struktur atap rumah Pura Tanjung Sabtu yang roboh.	68
<b>Rajah 4.13</b>	Pertandingan ngail udang galah atas bot di Sungai Nerus.	77
<b>Rajah 4.14</b>	Pemenang Pertandingan Ngail Udang Galah Atas Bot bergambar bersama YB Dato' Dr.Hj. Alias Bin Razak	78
<b>Rajah 4.15</b>	Para peserta dalam Program Ekspedisi Sungai Nerus Negeri Terengganu Darul Iman	79

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Jadual 3.1</b>	Responden Temu Bual	35
<b>Jadual 4.1</b>	Responden Mengikut Jantina	43
<b>Jadual 4.2</b>	Responden Mengikut Umur	44
<b>Jadual 4.3</b>	Responden Mengikut Pekerjaan	45
<b>Jadual 4.4</b>	Responden Mengikut Negeri Bermastautin	46
<b>Jadual 4.5</b>	Responden Mengikut Bangsa	48
<b>Jadual 4.6</b>	Responden Mengikut Taraf Pendidikan	49
<b>Jadual 4.7</b>	Responden Mengikut Status	50
<b>Jadual 4.8</b>	Responden mengikut minat responden terhadap isu-isu berkaitan dengan rumah Pura Tanjung Sabtu	51
<b>Jadual 4.9</b>	Responden mengikut wakil yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu	52
<b>Jadual 4.10</b>	Persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu	73
<b>Jadual 4.11</b>	Peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu	74

UNIVERSITI  
 —————  
 MALAYSIA  
 —————  
 KELANTAN

**ISI KANDUNGAN**

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>SENARAI RAJAH</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	viii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Rumah Pura Tanjung Sabtu	3
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.7.1 Individu	8
1.7.2 Masyarakat	9
1.7.3 Pihak Berkepentingan	9
1.8 Struktur Projek Penyelidikan	9
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0 Pengenalan	11
2.1 Warisan	11

2.2 Jenis-jenis warisan	13
2.2.1 Warisan Ketara	13
2.2.2 Warisan Tidak Ketara	13
2.3 Warisan di Malaysia	14
2.4 Bangunan Warisan	15
2.5 Bangunan Warisan di Terengganu : Rumah Pura Tanjung Sabtu	16
2.5.1 Seni Bina	17
2.5.2 Fungsi	19
2.6 Pemuliharaan	20
2.7 Pihak Berkepentingan	21
2.8 Persepsi dan Bangunan Terbiar	23
2.9 Aplikasi Teori Kerangka Tangga Penyertaan (Ladder of participation) dalam Pemuliharaan di rumah Pura Tanjung Sabtu	23
2.10 Kesimpulan	26

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	27
3.1 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran	27
3.1.1 Pendekatan Kualitatif	28
3.1.2 Pendekatan Kuantitatif	29
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	30
3.2.1 Data Primer	30
a) Pemerhatian	30

b) Temu bual	31
c) Tinjauan ( <i>survey</i> )	31
d) Borang kajian soal selidik	32
3.2.2 Data Sekunder	32
a) Jurnal	33
b) Buku	33
c) Sumber Internet	33
d) Surat Khabar Dalam Talian	34
3.3 Teknik Pensampelan	34
3.3.1 Teknik Pensampelan Bertujuan	34
3.3.2 Teknik Pensampelan Bebola Salji <i>(Snowball)</i>	36
3.3.3 Saiz Pensampelan	36
a) Responden Temu Bual	36
b) Responden Tinjauan	37
3.4 Analisis Data	37
3.4.1 Kualitatif: Analisis Tematik	37
a) Transkripsi	38
b) Pengekodan	38
c) Penentuan Tema	39
d) Laporan	39
e) Triangulasi	39
3.4.2 Kuantitatif: Analisis Deskriptif	40
3.5 Kesimpulan	41

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	42
4.1 Demografi Responden	43
a) Jantina Responden	43
b) Umur Responden	44
c) Pekerjaan Responden	45
d) Negeri Bermastautin Responden	46
e) Bangsa Responden	48
f) Taraf Pendidikan Responden	49
g) Status Perkahwinan Responden	50
4.2 Minat Responden terhadap isu-isu berkaitan dengan rumah Pura Tanjung Sabtu	51
4.3 Wakil Responden yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu	52
4.4 Sejarah rumah Pura Tanjung Sabtu	53
4.5 Bentuk rumah Pura Tanjung Sabtu	56
4.6 Fungsi rumah Pura Tanjung Sabtu pada zaman kegemilangannya	63
4.7 Punca kerosakan di rumah Pura Tanjung Sabtu	65
4.8 Persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu	72
4.9 Peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu	74
4.10 Usaha pihak bertanggungjawab dalam memelihara rumah Pura Tanjung Sabtu	76

4.11 Kesimpulan	80
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.0 Pengenalan	81
5.1 Rumusan Kajian	81
5.2 Dapatan Utama	83
5.3 Cadangan	84
5.2.1 Kajian Lebih Mendalam	84
5.2.2 Hak Pemilikan Tanah	85
5.2.3 Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memulihara dan memelihara rumah Pura Tanjung Sabtu	85
<b>RUJUKAN</b>	87

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan warisan budaya yang terdiri daripada berbilang kaum. Setiap kaum memiliki dan membawa pengaruh budaya masing-masing dalam kehidupan. Budaya ini disebarluaskan melalui pengamalan dan diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya.

Secara umum, makanan, seni persembahan, adat dan seni bina dalam warisan budaya dipengaruhi oleh tamadun sesuatu kaum. Contohnya, budaya kaum Cina telah mempengaruhi seni bina pembinaan Masjid Muhammadiyah di Ipoh, Perak. Masjid ini siap dibina pada Julai 2013. Identiti budaya kaum Cina dapat dilihat dari aspek penggunaan warna merah, penanaman pokok buluh serta binaan ‘bumbung panjang’ dan ‘bumbung lima’ pada seni bina Masjid Muhammadiyah (Amarudin, 2016).

Seni bina bangunan pada awalnya dilihat sebagai pembinaan tempat berteduh, ritual keagamaan dan keselamatan sebelum berkembang sebagai identiti dalam sesebuah tamadun atau bangsa (Anisah dan Wan Kamal, 2013). Seiring peredaran zaman, seni bina rumah tradisional Melayu dapat dilihat perbezaannya mengikut kawasan serantau. Pada asasnya, terdapat empat gaya seni bina rumah tradisional iaitu gaya Melaka, Perak, Kedah dan pantai timur bagi kawasan semenanjung Malaysia (Mohamad Rasdi *et al*, 2005). Antara contoh rumah-rumah tradisional Melayu adalah seperti rumah Limas, rumah Kutan, rumah Minangkabau, rumah Melaka dan rumah Semai. Kesemua binaan rumah tradisional Melayu mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri antik mengikut negeri-negeri di Malaysia. Mohd Sahabuddin (2016) menyatakan dalam hasil kajian beliau bahawa masyarakat dahulu menggunakan bahan binaan rumah

tradisional seperti kayu-kayan, buluh, rotan, mengkuang dan daun nipah namun bahan binaan ini tidak mampu bertahan dengan lamanya disebabkan oleh faktor tertentu. Antara faktornya yang mempengaruhi seni bina ialah iklim, sains dan teknologi, sosial, agama dan bahan.

Bagi mengekalkan seni bina warisan rumah tradisional Melayu, beberapa langkah perlu diambil bagi melestarikan bangunan warisan tersebut. Contohnya pembinaan rumah tradisional Melayu boleh dijadikan sebagai tempat penginapan kepada pelancong. Selain itu, pameran himpunan rumah tradisional juga boleh dianjurkan bagi memperkenalkan rumah-rumah ini kepada pengunjung. Di samping itu, proses pemuliharaan dan pemeliharaan turut disarankan ke atas bangunan warisan tersebut. Hal ini dibuktikan dengan pernyataan Alex Lee Yun Ping dalam *Sinar Harian* (2021), iaitu seorang usahawan yang tertarik dengan senibina rumah tradisional. Beliau telah menghimpunkan rumah tradisional berusia ratusan tahun di Terramalai, atau Tanah Senibina Melayu di Kampung Pengkalan Atap, Batu Rakit. Antara rumah yang boleh didapati di Terramalai, Batu Rakit ialah rumah Terengganu, rumah Kelantan dan rumah Negeri Sembilan. Di Kampung Budaya Terengganu, Muzium Negeri Terengganu turut memperkenalkan jenis rumah tradisional di Terengganu seperti rumah Nelayan, rumah Bujang Berserambi Selasar, rumah Bujang Berkembar, rumah Limas Belanda dan rumah Tele (Yatim, 2021).

## 1.2 Latar Belakang Rumah Pura Tanjung Sabtu

Terengganu merupakan antara negeri di pantai timur yang memiliki beberapa bangunan warisan yang dipulihara selain di negeri Kelantan dan Pahang. Perkara ini dibuktikan dengan kajian pemuliharaan dan pemeliharaan seni bina terhadap Istana Tengku Long di bawah seliaan Lembaga Muzium Negeri Terengganu seperti yang dinyatakan oleh Deris (2013). Istana Tengku Long memiliki nilai sejarah yang unik di samping mempunyai nilai estetik dari segi seni binanya. Oleh itu, aktiviti pemuliharaan dijalankan ke atas bangunan tersebut bagi membuktikan keindahan seni binanya.

Selain Istana Tengku Long di Besut, antara bangunan lain yang turut menjalani proses pemuliharaan adalah Rumah Warisan Haji Su. Rumah Warisan Haji Su telah dipulihara oleh pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu seperti dinyatakan dalam Portal Rasmi Muzium Negeri Terengganu. Selain itu, terdapat juga aktiviti pembinaan semula Kota Lama Duyong oleh pihak Kementerian Kebudayaan dan Kesenian bagi memelihara kepentingan bangunan ini (Portal Rasmi Muzium Negeri Terengganu, 2022).

Kerja-kerja konservasi turut dijalankan terhadap rumah Tiang Kembar dan rumah Limas (PSMCT) oleh Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan pada tahun 2009 hingga tahun 2010 dan bangunan ini telah dijadikan sebagai pejabat Persatuan Penulis dan Sasterawan Terengganu (PELITA) serta pejabat Jabatan Warisan Negara bagi Zon Timur (Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara, 2020).

Pembinaan rumah Pura Tanjung Sabtu merupakan salah satu binaan yang mencerminkan warisan Terengganu. Pembinaan ini juga merupakan idea dari seorang kerabat diraja Terengganu iaitu Tengku Ismail Tengku Su. Tengku Ismail telah

mendapat idea mengenai pembinaan rumah Pura Tanjung Sabtu setelah beliau mengembara ke luar negara seperti Eropah, Thailand, Indonesia dan Jepun.

Semasa bekerja di Malaysia Pavillian pada tahun 1970, beliau telah menyertai Expo' 70 di Osaka, Jepun. Semasa di sana, beliau telah melawat dan mendapat inspirasi pembinaan rumah Pura Tanjung Sabtu dari penggunaan struktur kayu di Istana Nijo-jo yang dibina pada tahun 1603 oleh Shogun Tokugawa pertama (The Edge Markets, 2009). Melalui Istana Nijo-jo, Tengku Ismail membina kompleks rumah kayu di atas tanah keluarga beliau yang berkeluasan sebanyak 14 ekar dan berdekatan dengan Sungai Nerus.

Rumah Pura Tanjung Sabtu merupakan himpunan tujuh buah rumah Melayu tradisional Terengganu antaranya rumah Seberang Baroh, rumah Rhu Rendang, rumah Kuala Ibai, rumah Atas Tol, rumah Sungai Rengas dan rumah Nesan Empat (Md. Said, 2021). Rumah-rumah yang telah berusia 11 abad dari seluruh negeri Terengganu ini telah dibeli oleh Tengku Ismail antara tahun 1992 dan 1996 (The Edge Markets, 2009). Pemindahan rumah-rumah dari sekitar Terengganu ke Tanjung Sabtu dijalankan melalui penggunaan kaedah sambungan kayu atau pasak (Jahari, 2021). Kaedah ini juga turut dikenali sebagai kaedah tanggam di mana proses penyambungan secara tradisi tanpa penggunaan sebarang bahan-bahan penyambungan seperti paku, gam dan sebagainya dilakukan (Azman *et al*, 2015).

Pada tahun 1998, Tengku Ismail menjadikan sebahagian rumah tersebut sebagai *homestay* atau inap desa dengan membawa tema kehidupan Melayu tradisional bagi memberi peluang kepada penginap untuk merasai pengalaman menginap di “Royal Homestay”. Seterusnya, inap desa di rumah Pura Tanjung Sabtu mendapat sambutan ramai dari kalangan pengunjung tempatan dan luar negara. Rumah Pura Tanjung Sabtu

turut dicalonkan Anugerah Aga Khan dalam kategori seni bina pada tahun 2007 (The Edge Markets, 2009).

Pembinaan rumah Pura Tanjung Sabtu dilihat sebagai salah satu langkah yang bijak dalam menjadi bukti sejarah pembinaan rumah tradisional Melayu yang patut dibanggakan oleh masyarakat Terengganu. Ini kerana jarang ditemui bangunan lama yang tidak terjejas bentuk asalnya disebabkan faktor seperti pergolakan politik dan penggunaan bahan binaan yang tidak kekal lama. Seperti yang dilihat pada masa kini, selepas kemangkatan Allahyarham Tengku Ismail Tengku Su pada tahun 2011, rumah Pura Tanjung Sabtu tidak lagi berpenghuni dan tiada orang yang menguruskannya seterusnya menyebabkan rumah tersebut terbiar usang tidak dijaga (Md. Said, 2021).

### **1.3 Penyataan Masalah**

Bangunan warisan di Terengganu seperti Masjid Hiliran, rumah Tele dan rumah Bujang menceritakan sejarah-sejarah yang berlaku di Terengganu di mana bangunan tersebut dipulihara dan dipelihara bagi menjaga nilai warisannya. Bangunan bersejarah yang terdapat di Terengganu seperti rumah Tiang Kembar dan rumah Limas (PSMCT) di Terengganu adalah antara bangunan yang bercirikan seni bina, keindahan landskap, serta memiliki nilai tinggi terhadap sejarah telah dipulihara oleh pihak berkepentingan sebelum ini.

Bangunan-bangunan ini umumnya merupakan bangunan tradisional Melayu di Malaysia berdasarkan kepada kenyataan dalam Jabatan Warisan Negara. Majoriti bangunan tradisional Melayu dibina menggunakan bahan semulajadi seperti kayu, nibung, buluh dan atap rumbia. Kesemua bahan semulajadi akan mengalami luluhawa kerana faktor iklim yang mempengaruhi seni bina bangunan tradisional (Portal Rasmi

Jabatan Warisan Negara, 2020). Oleh itu, penggunaan bahan semulajadi dalam binaan bangunan tradisional Melayu perlulah berkualiti tinggi dan perlu dijaga agar bangunan ini dapat dikekalkan dengan lebih lama.

Rumah Pura Tanjung Sabtu turut dikenali sebagai Istana Lama Terengganu yang mempunyai kompleks istana dan enam buah rumah Melayu tradisional Terengganu. Namun setelah kemangkatan pemilik asal rumah tersebut, beberapa bahagian rumah Pura Tanjung Sabtu telah hilang dicuri seperti bahagian tangga. Selain itu, rumah ini juga berada dalam keadaan tidak terurus dan dikelilingi lalang (Md. Said, 2021). Terdapat beberapa bahagian rumah telah rosak seperti bumbung dan lantai yang diselaputi lumut serta keadaan perabot di dalam rumah berseeah (Jamaludin, 2020). Ahmad Sabri (2021) turut menyatakan bahawa kawasan rumah Pura Tanjung Sabtu tidak bersih kerana tidak dijaga dengan baik. Hal ini telah menimbulkan kebimbangan penduduk setempat dan mereka berharap agar pihak berkepentingan boleh menguruskan dan memartabatkan kembali bangunan tersebut sebagai salah satu tarikan kepada pengunjung di samping memulihara sejarah seni bina rumah tradisional warisan Terengganu agar tidak dilupakan oleh generasi akan datang (Abdullah Sani dan Abet, 2021). Oleh itu, kajian mengenai rumah Pura Tanjung Sabtu dijalankan untuk mengetahui tindakan pemuliharaan yang dijalankan dalam mengawal kerosakan yang berlaku di rumah Pura Tanjung Sabtu selain mengenalpasti peranan rumah ini kepada masyarakat setempat.

## 1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Apakah persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu?
- ii. Apakah jenis kerosakan yang terdapat di rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu?
- iii. Bagaimanakah peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu?

## 1.5 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu.
- ii. Mengkaji jenis kerosakan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu.
- iii. Menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui langkah-langkah pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak berkepentingan ke atas rumah Pura Tanjung Sabtu. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kaedah campuran (*mixed method*) iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Bagi pendekatan kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian dengan menemubual sebanyak tiga orang responden yang merupakan dua ahli JPKK Tanjung Sabtu serta seorang ahli pakar bina rumah tradisional Terengganu dalam penelitian kerosakan seni bina. Melalui

pendekatan kuantitatif pula, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada 183 orang responden daripada borang selidik melalui edaran borang kepada penduduk kampung serta edaran secara talian melalui *Google Form*. Data yang diperolehi daripada kajian lapangan dianalisis menggunakan analisis tematik dan analisis dekriptif. Teori Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of participation*) oleh Sherry Rubin Arnstein (1969) telah diaplikasikan di dalam kajian kerana lebih banyak persamaan dan kelarasannya dengan kajian. Kajian ini dijalankan secara spesifik di tapak pembinaan asalnya iaitu di Kampung Pura Tanjung Sabtu, Manir, Kuala Terengganu.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan kerana pentingnya kita sebagai rakyat Malaysia khususnya di Terengganu memelihara seni bina rumah tradisional Melayu agar generasi masa depan masih mengenal asal usul dan kehebatan orang dahulu dalam seni bina rumah tradisional Melayu. Kepentingan kajian terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

### 1.7.1 Individu

Kepentingan kajian terhadap individu adalah dapat mengetahui dan memahami bahawa setiap warisan Melayu adalah penting untuk dipelihara agar dapat dijadikan model pada masa akan datang. Penyelidik yang lain juga dapat menggunakan kajian ini sebagai rujukan dalam membantu kajian yang dijalankan oleh mereka.

### **1.7.2 Masyarakat**

Dari segi masyarakat pula, kajian ini penting dalam mendalami keunikan seni bina rumah tradisional Melayu yang patut dibanggakan. Ini kerana seni bina rumah tradisional Melayu mempunyai nilai estetik dan memiliki faedah tersendiri berdasarkan bahagian-bahagian rumah yang dibina.

### **1.7.3 Pihak Berkepentingan**

Melalui kajian ini juga terdapat kepentingan kepada kerajaan iaitu pihak berkepentingan dalam menjalankan tugas dengan mengambil tindakan sepatutnya terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu. Dengan pemuliharaan dan pemeliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu sebagai seni bina warisan negeri Terengganu secara tidak langsung dapat memajukan sektor pelancongan.

## **1.8 Struktur Projek Penyelidikan**

Projek penyelidikan ini mengandungi lima bab. Persambungan bab ini akan diteruskan dengan bab dua iaitu kajian literatur. Bab dua membincangkan secara ringkas tentang warisan dan jenis-jenisnya serta bangunan warisan di Terengganu : rumah Pura Tanjung Sabtu yang memfokuskan tentang seni bina dan fungsi. Pemuliharaan, pihak berkepentingan serta persepsi dan bangunan terbiar turut dibincangkan dalam bab dua. Kemudian menerapkan konsep teori Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of participation*) dalam pemuliharaan di rumah Pura Tanjung Sabtu. Seterusnya, bab ketiga adalah metodologi kajian yang membincangkan tentang kaedah untuk mengumpul data maklumat semasa kerja lapangan di Kampung Pura Tanjung Sabtu, Kuala Terengganu, Terengganu. Pengkaji menggunakan kaedah campuran iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Pengkaji juga

menganalisis data menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif. Kemudiannya, bab empat adalah hasil dapatan kajian yang menjawab tentang persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu, kerosakan rumah Pura Tanjung Sabtu serta peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu. Akhir sekali, bab lima adalah kesimpulan dan cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji sebagai usaha penambahbaikan terhadap kajian mengenai pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu Di Terengganu.



## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Bab dua menjelaskan mengenai warisan dan jenis-jenis warisan seperti warisan ketara dan tidak ketara. Seterusnya, bab ini menerangkan mengenai bangunan warisan yang terdapat di Malaysia. Rumah Pura Tanjung Sabtu turut dibincangkan di dalam bab ini terutama dari segi seni bina dan fungsinya. Terdapat juga penjelasan mengenai pemuliharaan dan pihak berkepentingan. Kemudian teori Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of participation*) yang digunakan ke atas pemuliharaan di rumah Pura Tanjung Sabtu dan diakhiri dengan kesimpulan bagi bab dua.

#### 2.1 Warisan

Warisan didefinisikan sebagai keadaan atau faedah yang diturunkan untuk dipulihara atau dikumpulkan dari generasi sebelumnya sama ada secara fizikal atau bukan fizikal (Howard, 2003). Warisan dalam kegunaan harian ditakrifkan sebagai objek, amalan, pengetahuan, dan persekitaran yang mengekalkan budaya merentasi setiap generasi (Geismar, 2015). Menurut Nilson dan Thorell (2018), warisan merangkumi warisan ketara dan warisan tidak ketara seperti tapak, bangunan, landskap, kenangan, emosi, nilai dan adat. Warisan turut didefinisikan sebagai tradisi, pencapaian, kepercayaan dan sebagainya yang merupakan sebahagian daripada sejarah kumpulan masyarakat (Encyclopedia Britannica, 2022). Seperti yang dinyatakan oleh Vecco (2010), bahasa Perancis mengungkapkan warisan sebagai satu konsep yang dinamik di mana ianya lebih tertumpuk kepada barang yang diwarisi oleh pewarisnya.

Berdasarkan kenyataan rasmi oleh badan warisan dunia, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization atau UNESCO (2021) menyatakan dalam laman web rasminya bahawa “warisan adalah warisan budaya yang diterima dari masa lalu, dan dihayati pada masa kini serta diwariskan kepada generasi akan datang.”

UNESCO menegaskan bahawa tempat-tempat tertentu di dunia yang memiliki nilai universal yang luar biasa dianggap sebagai warisan seperti Hutan Serengeti di Afrika Timur, Great Barrier Reef di Australia dan Katedral Baroque di Amerika Latin (2021). UNESCO (2009, 25) turut mendefinisikan warisan kebudayaan seperti:

...artifak, monumen, sekumpulan bangunan dan tapak, muzium yang mempunyai kepelbagaiannya termasuk simbolik, sejarah, artistik, estetik, etnologi atau antropologi, kepentingan saintifik dan sosial. Ia termasuk warisan ketara (bergerak, tidak bergerak dan bawah air), warisan budaya tidak ketara (ICH) yang terdapat dalam artifak, tapak atau monumen warisan budaya, dan semula jadi. Takrifan ini tidak termasuk warisan budaya tidak ketara yang berkaitan dengan domain budaya lain seperti perayaan, perayaan dll. Ia merangkumi warisan industri dan lukisan gua.

Definisi warisan berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan (2005, 6) menyatakan bahawa “warisan” membawa pengertian generik warisan kebangsaan, tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada disenaraikan atau tidak dalam Daftar”. Manakala warisan kebudayaan merujuk kepada warisan yang berbentuk:

...ketara atau tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan dan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan

kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi. (Akta Warisan Kebangsaan, 2005, 17).

## **2.2 Jenis-jenis warisan**

Terdapat dua jenis warisan dalam warisan kebudayaan. Antaranya ialah warisan ketara dan warisan tidak ketara.

### **2.2.1 Warisan Ketara**

Warisan ketara merupakan salah satu daripada dua kategori utama dalam warisan yang membawa maksud perkara yang kekal, boleh dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih (Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia, 2022). Warisan kebudayaan ketara adalah merangkumi kawasan, bangunan dan monumen berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan (2005), yang dilihat sebagai warisan ketara statik atau tidak, yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain, sama ada kerana struktur seperti bangunan Sultan Abdul Samad atau kerana hubungannya yang tidak boleh dipisahkan dengan tapak seperti sebuah tapak arkeologi (Thpanorama, 2022). Warisan ketara perlu diberi perhatian dalam mengekalkan sejarah peninggalan zaman dahulu serta binaannya bagi bangunan agar tidak dilupakan generasi baharu.

### **2.2.2 Warisan Tidak Ketara**

Secara umumnya, warisan budaya tidak ketara adalah ciptaan manusia dalam kalangan masyarakat yang diturunkan dari generasi ke generasi dan dipengaruhi oleh keadaan sekeliling masyarakat dari segi alam semula jadi dan sejarah mereka. Dalam *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*, oleh UNESCO (2003, 4) telah menyatakan secara jelas bahawa warisan tidak ketara merupakan:

...amalan, perwakilan, ekspresi, pengetahuan, kemahiran serta instrumen, objek, artifak dan ruang budaya yang dikaitkan dengan komuniti, kumpulan dan, dalam beberapa kes, individu mengiktiraf sebagai sebahagian daripada warisan budaya mereka.

Menurut UNESCO (2003) juga, warisan budaya tidak ketara memiliki lima domain iaitu tradisi dan ungkapan lisan, termasuk bahasa sebagai wahana warisan budaya tidak ketara; seni persesembahan; amalan sosial, ritual dan acara perayaan; pengetahuan dan amalan mengenai alam dan alam semesta serta ketukangan tradisional.

Dalam Akta Warisan Kebangsaan (2005) turut menyatakan bahawa; warisan tidak ketara

...termasuklah mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persesembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, yang telah wujud atau wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia.

### **2.3 Warisan di Malaysia**

Secara keseluruhan, warisan di Malaysia dapat dilihat dari pelbagai sudut seperti dari segi bangunan bersejarah, seni persesembahan iaitu tarian, tradisi lisan serta warisan budaya bawah air serta warisan budaya semula jadi. Kebanyakan warisan di Malaysia tersenarai dalam warisan kebangsaan Malaysia serta dalam proses senarai warisan kebangsaan. Bagi mengekalkan warisan Malaysia dan memelihara warisan negara, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah ditubuhkan. Penubuhan jabatan tersebut

dapat memberi kesedaran kepada orang ramai akan warisan negara melalui penyelidikan, pendokumentasian di samping berusaha memartabat warisan negara untuk pengiktirafan di peringkat dunia.

## 2.4 Bangunan Warisan

Terdapat 125 buah bangunan telah tersenarai sebagai bangunan warisan mengikut negeri berdasarkan Jabatan Warisan Negara (2021). Bangunan warisan penting terutamanya nilai dan sejarah peninggalannya seperti kehidupan masyarakat sebelumnya untuk penghayatan dan sumber pelajaran kepada orang ramai. Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan (2005) menyatakan bangunan merujuk kepada:

bangunan ertinya suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains.

Bangunan warisan juga didefinisikan sebagai bangunan bersejarah yang mempunyai unsur sejarah, budaya dan nilai seni bina yang tinggi (A. Ghafar, 2000).

Bangunan warisan dilihat sebagai antara warisan ketara yang penting dan perlu dipelihara bagi mengekalkan nilai-nilai warisan yang dinyatakan dalam Akta Warisan Kebangsaan (2005). Antara contoh bangunan warisan yang masih mengekalkan nilai warisan adalah seperti Bangunan Masjid Sultan Abdul Samad yang dahulunya dikenali sebagai Masjid Jamek dan Stadium Merdeka di Kuala Lumpur. Bangunan bersejarah ini tersenarai dalam bangunan warisan kebangsaan berdasarkan kriteria-kriteria terpilih yang telah ditentukan dalam Akta Warisan Kebangsaan (2005).

## 2.5 Bangunan Warisan di Terengganu : Rumah Pura Tanjung Sabtu

Di negeri Terengganu, terdapat beberapa bangunan warisan yang disenaraikan oleh JWN. Antaranya ialah Masjid Abidin, Masjid Hiliran dan Istana Maziah di Kuala Terengganu. Masjid Abidin misalnya dilihat sebagai mercu tanda bagi bangunan bersejarah di Terengganu dan pembinaan bangunan bersejarah ini adalah di antara tahun 1793-1808 iaitu dari zaman pemerintahan Al Marhum Sultan Zainal Abidin II atau nama penuh baginda ialah Sultan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mansur Riayat Shah (Masjid Abidin, Kuala Terengganu, 2021). Seni bina bangunan masjid ini bermula daripada binaan kayu cengal yang menyerupai rumah tradisional Terengganu pada zaman tersebut sehingga kepada pembinaan daripada batu merah (Masjid Abidin, Kuala Terengganu, 2021).

Masjid Abidin juga dilihat sebagai masjid tertua di Terengganu (Sinar Harian, 2019). Ini kerana Masjid Abidin telah berusia 200 lebih dengan ciri-ciri seni bina Islam melalui ukiran khat ayat-ayat suci Al-Quran yang dapat dilihat di bahagian dalam kubah besar masjid tersebut. Terdapat juga ukiran doa-doa dan ukiran awan larat yang merupakan ukiran sinonim dengan negeri Terengganu berada dipasangkan di bahagian pintu masuk. Masjid Abidin turut terkenal sebagai tempat persemadian diraja seperti Makam Al-Marhum Sultan Mansor Shah 1 dan Permaisuri Tengku Bulang.

Terengganu juga terkenal dengan warisan penghasilan keropok lekor, batik, songket dan tembaga serta popular dengan bangunan warisan. Antara bangunan warisan yang sering dilawati oleh orang ramai khususnya pelancong adalah ke Masjid Abidin, Kampung Cina dan Muzium Negeri Terengganu. Rumah Pura Tanjung Sabtu tidak kurang terkenalnya pada masa dahulu hingga mendapat pengiktirafan dengan mendapat pencalonan dalam *Aga Khan Award for Architecture* pada tahun 2007

(Jahari, 2021), berdasarkan konsep binaannya yang ‘berjaya menangani keperluan dan aspirasi masyarakat di mana umat Islam mempunyai kehadiran yang ketara’, memberi perhatian khusus ‘untuk membina skim yang menggunakan sumber tempatan dan teknologi yang sesuai dengan cara yang inovatif’ (The Edge Markets, 2009).

### **2.5.1 Seni Bina**

Seni bina rumah Pura Tanjung Sabtu merupakan rumah tradisional Terengganu yang terdiri daripada tujuh buah rumah antaranya rumah Atas Tol, rumah Sungai Rengas dan rumah Nesan Empat (puratanjungsabtu, 2008), rumah Seberang Baroh, rumah Rhu Rendang, rumah Kuala Ibai (UtusanBorneo, 2020), serta rumah Belakang Kota apabila terdapat sebahagian istana diambil dari Kampung Belakang Kota iaitu di belakang Istana Maziah.

Pembinaan rumah Pura Tanjung Sabtu terhasil daripada pemerhatian Tengku Ismail terhadap rumah tradisional iaitu Istana Nijo-jo di Osaka, Jepun. Tengku Ismail telah melawat Jepun dan berminat terhadap pemeliharaan struktur kayu istana tersebut yang dibina pada tahun 1603 (Jahari, 2021). Dengan menjadikan kayu istana Jepun sebagai inspirasi, Tengku Ismail telah mengambil atau membeli rumah-rumah Melayu lama di sekitar Terengganu (UtusanBorneo, 2020). Rumah-rumah yang telah dibeli dipindahkan ke tanah peribadi beliau di Tanjung Sabtu sebagai langkah pemulihan rumah kayu tersebut.

Proses pemulihan dijalankan dengan membuka binaan rumah kayu tersebut kemudian dipindahkan secara kepingan kayu ke tapak di Tanjung Sabtu dan dipasang semula. Terdapat kepingan terpanjang digunakan sebagai jambatan bumbung kayu tunggal berukuran 44 kaki x 8 inci x 8 inci yang berat ini memerlukan kudrat manusia untuk mengalihkan kayu berat tersebut. Tambahan pula pada masa itu masih tiada

penggunaan teknologi canggih untuk mengalihkan kayu tunggal tersebut. Oleh itu, mereka telah menggunakan teknik takal untuk mengangkat kepingan kayu tersebut. Penggunaan teknik takal tali adalah apabila melilitkan tali berkali-kali di sekeliling pegangan kekuda dan kemudian menariknya perlahan-lahan ke bawah membolehkan beban (kepingan kayu) ditarik ke atas (The Edge Markets, 2009).

Kaedah pasak merupakan antara kaedah pemasangan yang tidak asing dengan seni bina Melayu yang bersistemkan pembinaan rumah pasang siap. Dengan menggunakan kaedah pasak, bahagian rumah akan diceraikan dan dipasang semula di tempat baharu (Abdullah, 2012). Pembinaan semula rumah-rumah yang telah dipindahkan hanyalah melalui kaedah pasak dan tidak menggunakan paku telah menunjukkan kehebatan masyarakat Melayu dahulu yang bijak dan kreatif dalam bidang pertukangan hingga dapat membina struktur rumah yang kukuh. Pembinaan kaedah sambungan, perlubangan yang diperkuuhkan dengan baji dan kancing semasa menggunakan bahan semulajadi adalah salah satu standad seni bina tradisional di Asia Tenggara (Abdullah, 2012).

Kesemua rumah Pura Tanjung Sabtu dibina secara bersambung antara rumah ke rumah yang lain. Terdapat dua sayap iaitu sayap sebelah barat dan timur yang dianggarkan panjang rumah-rumah tersebut adalah di antara 20 hingga 30 kaki (Jahari, 2021). Bahagian sayap sebelah barat bilik tidur dan ruang belajar kepunyaan Tengku Ismail, termasuklah ruang tamu, ruang makan dan dapur di tingkat atas (Jahari, 2021). Manakala kuarters untuk pekerja-pekerja serta bengkel menenun songket pula berada di tingkat bawah (Jahari, 2021).

Pembahagian ruang di rumah Pura Tanjung Sabtu menjadi kebiasaan bagi masyarakat Melayu Terengganu kerana ruang bawah rumah dikhaskan sebagai bengkel.

Hal ini bersesuaian dengan pembinaan rumah yang bertiang tinggi atau berbentuk berpanggung (Abdullah, 2012). Bagi sayap sebelah timur pula terdapat rumah tamu dan galeri songket serta disediakan tiga buah rumah tamu untuk penginapan di inap desa gaya ala kampung dengan sentuhan diraja (Jahari, 2021).

### **2.5.2 Fungsi**

Menurut Tengku Daeng Mawelle dalam Terengganu Daily (2019), rumah Pura Tanjung Sabtu dipulihara dan pernah menjadi salah sebuah rumah penginapan kepada pelancong atau dikenali sebagai "*Royal Homestay*" pada pertengahan tahun 90-an. Tengku Ismail membuka tiga buah rumah daripada kompleks rumah Pura Tanjung Sabtu kepada tetamu dan memberi peluang kepada pengunjung merasai kediaman gaya desa di samping menyediakan beberapa makanan mewah berkONSEPkan menu diraja (The Edge Markets, 2009).

Selain menjadikan beberapa buah rumah Pura Tanjung Sabtu sebagai inap desa, Tengku Ismail yang digelar sebagai Putera Songket turut membuat perusahaan songket. Ruang perusahaan songket terletak di tingkat bawah rumah tersebut dan permintaan songket yang dijual oleh Tengku Ismail kebanyakannya dari luar negara (Jahari, 2021). Beliau turut memperluaskan perusahaannya dengan membuka bengkel menenun bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk belajar menenun songket. Beliau turut menyediakan galeri songket untuk tatapan pengunjung di Pura Tanjung Sabtu di samping menonjolkan lagi songket sebagai pakaian budaya Malaysia dan warisan di Terengganu kepada pengunjung luar negara (Jahari, 2021).

## 2.6 Pemuliharaan

Pemuliharaan secara kasarnya adalah perancangan dan pengurusan dalam mengawal dan menyekat perubahan kepada paras minimum bagi memastikan kelangsungan hidup budaya dan warisan semulajadi serta memanjangkan jangka hayatnya. Berdasarkan artikel Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan oleh Jabatan Warisan Negara (2012), pemuliharaan ditakrifkan sebagai pendekatan yang melibatkan pemeliharaan, pembaik pulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya.

Manakala menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005, 15) telah menyatakan bahawa pemeliharaan ialah :

... bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan usang dan menyediakan struktur yang selamat dan kukuh tetapi tidak menjangkakan pembangunan semula yang penting dan termasuklah teknik membantutkan atau memperlakhankan proses kemerosotan, reput atau keadaan usang sesuatu butiran atau struktur; pemberian keadaan struktur untuk menjadikan sesuatu struktur selamat, boleh didiami, atau selainnya berguna; dan penyenggaraan biasa dan pemberian kecil yang tidak mengubah atau memudaratkan rupa fabrik atau sejarah sesuatu struktur.

Selaras dengan kenyataan *Burra Charter* (2013, 4) bahawa pemuliharaan merupakan “...semua proses menjaga sesuatu tempat untuk mengekalkan kepentingan budayanya.”

Perkara ini menunjukkan bahawa proses pemuliharaan adalah sangat penting dalam usaha mengekalkan keaslian sesebuah warisan seperti warisan bangunan khususnya. Selain mengekalkan keaslian bangunan, tujuan utama pemuliharaan dijalankan adalah untuk menjaga kepentingan budaya melalui kaedah pemuliharaan

yang betul bagi meminimumkan kerosakan dan menjaga kualitinya (Jabatan Warisan Negara, 2012). Terdapat beberapa bangunan warisan tradisional terutamanya yang telah berjaya dipulihara atau dibaik pulih oleh Jabatan warisan Negara antaranya ialah Rumah Penghulu Abdul Ghani di Merlimau, Melaka; Wat Kampung Dalam (Wat Siam) di Tumpat, Kelantan; dan Istana Kampung Dalam (Bangunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu) di Kuala Terengganu.

Bangunan warisan penting untuk dipelihara dan dipulihara kerana memiliki nilai-nilai tertentu. Setiap individu di dalam masyarakat meletakkan nilai yang berbeza dalam warisan. Antara faktor yang mempengaruhi nilai warisan adalah kewarganegaraan, jantina, etnik, kelas, agama, harta, dalaman, kepakaran dan umur. Seperti yang dirumuskan dalam *Burra Charter* (2013), budaya disignifikasikan melalui lima nilai kepentingan iaitu simbolik, ekonomi, bersejarah, estetik dan bermaklumat untuk generasi lalu, kini atau akan datang.

## 2.7 Pihak Berkepentingan

Menurut Hajjalikhani (2008), pihak berkepentingan ialah individu dan organisasi yang terlibat secara aktif dalam kerja, atau kepentingan mereka boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh pencapaian suatu tujuan organisasi. Pihak berkepentingan atau *stakeholders* dapat diringkaskan sebagai pihak kerajaan, pakar pemuliharaan dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam Warisan Dunia. Pihak berkepentingan biasanya terdiri daripada pemegang saham, pelanggan, pembekal dan pengedar, pekerja dan masyarakat tempatan.

Menurut UNESCO (2012), dalam *World Heritage Convention* menyatakan bahawa pihak berkepentingan terdiri daripada pengurus tapak, kerajaan tempatan dan

serantau, komuniti tempatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak lain yang berkepentingan adalah rakan kongsi dalam pencalonan pengenalan dan perlindungan Harta Warisan Dunia (halaman 13).

Pihak berkepentingan memiliki tahap tanggungjawab dan kuasa yang berbeza serta pengaruh ke atas sesebuah projek yang berubah semasa perjalanan projek. Kuasa dan tanggungjawab mereka adalah berfokuskan kepada penajaan projek dan memberi sumbangan ketika tinjauan, menyediakan sokongan kewangan dan politik (Hajialikhani, 2008). Hal ini menunjukkan pihak berkepentingan memiliki pengaruh positif dan negatif ke atas sesebuah projek. Oleh itu, tindakan yang adil perlu diambil kira sama rata oleh pihak berkepentingan bagi mendapatkan hasil projek yang berjaya dan berjalan dengan baik.

Menurut Góral (2015), R. Edward Freeman merupakan seorang penyelidik yang berminat mengkaji tentang pengurusan pihak berkepentingan, telah membahagikan pihak berkepentingan kepada dua kumpulan iaitu pihak berkepentingan dalaman (*internal stakeholders*) dan pihak berkepentingan luar (*external stakeholders*). Pihak berkepentingan dalaman (*internal stakeholders*) adalah orang atau institusi yang mendapat kesan langsung terhadap bentuk dan fungsi objek warisan manakala pihak berkepentingan luar (*external stakeholders*) merupakan mereka yang mendapat manfaat secara tidak langsung daripada keuntungan yang diperolehi oleh sesebuah institusi atau acara kebudayaan.

## 2.8 Persepsi dan Bangunan Terbiar


Persepsi secara keseluruhannya merupakan tanggapan berdasarkan pancaindera terhadap suatu perkara. Menurut Riadi (2020),

Persepsi adalah proses kognitif yang dialami oleh setiap individu dalam pemilihan, pengorganisasian, penginterpretasian dan penafsiran masukan-masukan informasi dan sensasi yang diterima melalui penglihatan, pendengaran, penciuman, sentuhan, perasaan dan penghayatan sehingga menghasilkan suatu gambaran yang bermakna tentang dunia.

Menurut Baharudin, (2021) masyarakat berpendapat bahawa rumah Pura Tanjung Sabtu memiliki aspek nilai estetika dan sejarah rekabentuk rumah Melayu yang unik dan jarang ditemui pada masa kini. Hasil kajian beliau juga menyatakan bahawa rumah Pura Tanjung Sabtu turut dilengkapi dengan nilai seni pertukangan Melayu yang tinggi.

## 2.9 Aplikasi Teori Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of participation*) dalam Pemuliharaan di rumah Pura Tanjung Sabtu

Teori digunakan di dalam kajian ini adalah teori Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of Participation*) bagi mengetahui peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan di rumah Pura Tanjung Sabtu. *Ladder of Participation* ini memiliki lapan anak tangga penyertaan bermula dari anak tangga bawah iaitu tahap penyertaan dari negatif (*non-participatory*) hingga anak tangga ke lapan dengan penyertaan ke positif (*degree of citizen*) (Rajah 2.10). Penglibatan daripada masyarakat adalah perlu bagi membantu perubahan dan pemuliharaan teradap rumah tersebut akan berlaku pada masa akan datang dengan kuasa rakyat.



Rajah 2.1 *Ladder of Participation* oleh Sherry Rubin Arnstein (1969)

Sumber: Sherry Rubin Arnstein (1969)

Teori Kerangka Tangga Penyertaan membincangkan tahap penglibatan rakyat dalam proses membuat sesuatu keputusan. tahap penglibatan juga merupakan proses kerjasama antara rakyat dan pemerintah. Bagi menghasilkan keputusan terbaik, penglibatan rakyat mestilah pada tahap aktiviti yang tinggi berbanding tahap aktiviti yang rendah. Ini kerana penyertaan rakyat mempengaruhi kuasa yang tidak terbatas seperti dalam ekonomi atau politik. Teori Kerangka Tangga Penyertaan memiliki lapan tangga yang dibahagikan kepada tiga peringkat umum kuasa rakyat iaitu tiada penyertaan awam (*non-participatory*), tokenisme (*tokenism*) dan kuasa warganegara (*degree of citizen power*) seperti dalam Rajah 2.1.

Tangga pertama umum kuasa rakyat iaitu tiada penyertaan awam (*non-participatory*) bermula dengan tahap tangga manipulasi (*manipulation*) yang hanya melibatkan komuniti di mana mereka hanya menerima dan mengikut pendapat daripada golongan pemerintah sahaja. Manakala tangga terapi (*therapy*) memberi penyesuaian kepada komuniti terhadap kemahuan pihak berkuasa tanpa diberi ruang untuk terlibat

sama. Komuniti hanya diberitahu tentang sesuatu pembinaan selepas keputusan dibuat pihak pemaju.

Seterusnya, tokenisme (*tokenism*) pada peringkat kedua umum kuasa rakyat mempunyai tiga tangga iaitu maklumat (*informing*), rundingan (*consultation*), dan pendamaian atau penenteraman (*placation*). Maklumat (*informing*) membuka penyertaan yang terhad kepada rakyat untuk turut serta dalam aktiviti dianjurkan. Ini kerana penyertaan rakyat lebih kepada satu hala, iaitu pendapat mereka akan dipertimbangkan. Manakala, rundingan (*consultation*) melibatkan penyertaan rakyat yang meluas di mana pihak berkepentingan akan mendapatkan pendapat serta berunding dengan rakyat. Contohnya, perjumpaan secara langsung untuk mendengar pendapat awam. Bagi tahap penyertaan tertinggi dalam peringkat tiada penyertaan awam (*non-participatory*) iaitu pendamaian atau penenteraman (*placation*), rakyat telah diberi peluang untuk melibatkan diri serta memberi nasihat atau kritikan tetapi keputusan akhir masih pada pihak berkuasa.

Tangga keenam iaitu kerjasama (*partnership*) dalam teori Kerangka Tangga Penyertaan membenarkan rakyat berunding dan turut serta dalam perancangan bersama pihak berkuasa. Kerjasama ini berlaku dengan kelebihan daripada komuniti yang mampu mendapatkan sumber tenaga manusia seperti juruteknik. Kuasa yang diagihkan (*delegated power*) adalah memberi kuasa besar yang diperlukan oleh komuniti untuk merancang, melaksana, dan memantau aktiviti pembangunan yang dijalankan di samping membuat keputusan yang dominan terhadap rancangan. Tahap penglibatan tertinggi dalam teori Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of Participation*) ialah pengendalian masyarakat (*citizen control*). Pengendalian masyarakat atau kawalan warganegara merupakan tahap kuasa (atau kawalan) yang memberikan komuniti untuk bertanggungjawab sepenuhnya aspek pengurusan perancangan yang dibuat.

Berdasarkan teori Kerangka Tangga Penyertaan, penggunaan teori ini perlu kerana ianya menjadi asas utama yang melibatkan komuniti bagi perancangan tempatan (Mohamed Ali & Arifin, 2020). Ini kerana melalui penggunaan teori ini pengkaji dapat mengenal pasti tahap penglibatan dan pengetahuan masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu.

## 2.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, pada bab dua ini sangat membantu pengkaji dalam mengumpul dan menganalisis kajian lepas yang oleh diguna pakai dan diaplikasi dalam projek penyelidikan ini. Perbincangan melalui pemahaman definisi warisan ketara, pemuliharaan serta pendedahan tentang rumah Pura Tanjung Sabtu sedikit sebanyak memperluaskan lagi skop pemahaman pengkaji. Pengkaji turut menerangkan pengaplikasian teori Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of participation*) sebagai panduan dalam menjalankan projek penyelidikan ini. Berikutan itu, kajian lepas yang digunakan sebagai rujukan diharap dapat memberi lebih pemahaman dan penjelasan dalam menyelesaikan projek penyelidikan ini.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab tiga menerangkan tentang pendekatan kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian mengenai pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu. Bab tiga menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah campuran (*mixed method*) yang digunakan. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah melalui soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Kemudian, teknik pensampelan yang akan digunakan oleh pengkaji adalah teknik bertujuan. Akhir sekali bab ini membincangkan mengenai analisis data dengan menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif.

#### 3.1 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran

Pendekatan kajian bagi kaedah campuran merupakan pendekatan yang melibatkan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif, penggabungan kedua-dua bentuk data, dan menggunakan reka bentuk berbeza yang melibatkan andaian ideologi dan rangka kerja teori (Creswell & Creswell, 2018). Pendekatan kajian campuran menghasilkan pemahaman yang lebih baik daripada perolehan data iaitu kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji telah menggunakan kaedah campuran untuk mendapatkan perbandingan data yang diperoleh daripada kualitatif dan kuantitatif terutamanya dalam memahami hasil dapatan yang berlainan.

### 3.1.1 Pendekatan Kualitatif

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif ini digunakan bagi memfokuskan penyediaan keterangan secara terperinci bagi suatu kajian kes. Pendekatan kualitatif menumpukan kajian berkaitan antara pembolehubah bagi menjawab objektif kajian dan persoalan kajian melalui kajian (Creswell dan Creswell, 2018). Selain itu, dengan menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian ini, pengkaji dapat memahami situasi yang sebenar bukannya meramalkan kemungkinan masa depan melalui pemahaman kajian tersebut (Merriam dan Tisdell, 2016). Data telah dikumpulkan melalui beberapa teknik pengumpulan data bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang sahih dan benar. Terdapat beberapa bentuk data kajian yang boleh dikumpulkan iaitu pemerhatian, temu bual, menganalisis dokumen dan bahan audiovisual.

Melalui kaedah pendekatan kualitatif, pengkaji dapat mengenal pasti secara langsung kerosakan yang berlaku terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu. Melalui kaedah pendekatan kualitatif juga, pengkaji dapat mengkaji langkah-langkah pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu. Pemilihan pendekatan kualitatif dalam kajian yang dijalankan adalah berbentuk pemerhatian secara langsung mengenai keadaan serta keadaan terkini rumah Pura Tanjung Sabtu. Pengkaji juga telah membuat kajian kepustakaan untuk mencari data dan maklumat lebih sahih.

### 3.1.2 Pendekatan Kuantitatif

Bagi kajian ini juga, pengkaji turut menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif merupakan kaedah bagi menguji teori objektif dengan meneliti hubungan antara pembolehubah (Creswell dan Creswell, 2018). Pendekatan kuantitatif merupakan data yang boleh diukur kerana ia mengandungi beberapa bentuk magnitud, biasanya dinyatakan dalam nombor (Walliman, 2011).

Pendekatan kuantitatif digunakan bagi menjawab objektif pertama iaitu mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu serta menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, pengkaji dapat mengetahui pandangan masyarakat sekeliling terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu serta tindakan yang pernah atau akan dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memulihara rumah Pura Tanjung Sabtu secara deduktif.

Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif yang telah dijalankan adalah kaedah soal selidik. Pengagihan borang soal selidik telah diagihkan kepada penduduk serta pihak yang berminat berkaitan isu-isu di rumah Pura Tanjung Sabtu. Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan tertutup yang berpandukan skala likert. Skala likert digunakan untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu dan menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu.

Oleh itu, kajian ini telah menggunakan analisis deskriptif bagi menganalisis data yang kemudiannya ditukar kepada bentuk peratusan. Deskriptif statistik dilihat sebagai data yang dikumpul, diproses dan disusun dalam yang mudah dibaca melalui penggunaan kaedah seperti jadual, carta dan graf.

### 3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan bentuk data yang dikumpulkan oleh pengkaji. Pelbagai prosedur pengumpulan data yang dinyatakan oleh Creswell (2018) antaranya tinjauan (*survey*), temubual, dokumen dan merekod maklumat dengan bahan audiovisual. Kaedah pengumpulan data ini terbahagi kepada dua iaitu data primer dan data sekunder bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian.

#### 3.2.1 Data Primer

Data primer merupakan data yang diperoleh secara langsung (*direct*) daripada subjek kajian melalui penggunaan alat ukur atau alat pencarian data secara langsung kepada subjek sebagai sumber maklumat yang dicari (Amirudin, M, & Abidin, 2021). Data primer dianggap sebagai sumber data pertama atau sumber asli yang diperoleh secara langsung daripada lokasi dan objek kajian.

##### a) Pemerhatian

Pemerhatian secara langsung telah digunakan di dalam kajian ini, termasuklah nota lapangan berkaitan perkara yang berlaku di tapak kajian tersebut. Menurut Creswell (2018), pemerhatian perlu direkodkan secara tidak berstruktur atau separa struktur iaitu penggunaan beberapa soalan kepada responden.

Dalam kajian ini, pengkaji membuat pemerhatian dahulu ke tapak kajian dengan melihat secara langsung keadaan rumah dan kerosakan yang berlaku terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu. Pengkaji mengambil gambar keadaan rumah dari pelbagai sudut dan kerosakan yang terdapat pada rumah tersebut. Pengkaji juga mengambil gambar rumah tersebut dari semasa ke semasa bagi melihat jika berlaku perubahan terhadap rumah tersebut. Gambar-gambar mengenai kerosakan rumah tersebut dinilai oleh pakar

seni bina rumah tradisional dan beberapa soalan tidak berstruktur bagi mengenal pasti jenis kerosakan tersebut ditanya kepada penilai.

### b) Temu bual

Kaedah temu bual adalah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang benar serta lebih terperinci daripada responden. Temu bual dijalankan dengan penglibatan daripada responden secara langsung ataupun temu bual melalui telefon secara individu atau berkumpulan menggunakan soalan tidak berstruktur (Creswell dan Creswell, 2018). Penggunaan temu bual tidak berstruktur adalah disarankan dalam menyoal responden. Ini adalah kerana soalannya lebih terbuka bagi mendapatkan jawapan responden bersesuaian dengan objektif suatu kajian (Jasmi, 2012).

Berdasarkan kajian ini, pengkaji menemu bual beberapa responden berkaitan dengan rumah Pura Tanjung Sabtu dengan penggunaan alat bantuan seperti perakam audio di telefon, kamera dan nota lapangan bagi memudahkan urusan temu bual bersama responden. Dengan mengajukan soalan yang disediakan, pengkaji menemu bual responden menggunakan bahasa yang mudah difahami iaitu dengan menggunakan loghat Terengganu selaras dengan lokasi kajian yang terletak di Kuala Terengganu.

### c) Tinjauan (*survey*)

Tinjauan (*survey*) merupakan teknik pengumpulan data kuantitatif atau angka berkaitan trend, sikap, pendapat, dan persepsi penduduk dengan mengkaji sampel populasi tersebut (Creswell & Creswell, 2018). Teknik tinjauan (*survey*) menggunakan borang soal selidik atau temu bual berstruktur bagi menjawab objektif kajian. Bagi menjawab objektif pertama dan objektif ketiga kajian, pengkaji memilih menggunakan borang kajian soal selidik.

#### d) Borang kajian soal selidik

Pengkaji menggunakan borang kajian soal selidik sebagai bentuk pengumpulan data. Melalui penggunaan borang soal selidik, pengkaji dapat mengkaji tindakan yang diambil oleh pihak berkepentingan dalam memulihara rumah Pura Tanjung Sabtu. Dalam borang kajian soal selidik, pengkaji menggunakan skala likert yang terdiri daripada lima mata iaitu: (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Skala likert digunakan untuk memudahkan pengkaji mengumpul data dan deduksi berdasarkan objektif kajian. Skala likert merupakan satu set pernyataan (item) yang disenaraikan berdasarkan objektif yang dikaji (Joshi *et al*, 2015). Berdasarkan lima skala likert tersebut responden mesti memilih satu daripadanya berdasarkan pernyataan (item) yang diberikan.

Edaran borang soal selidik pula diedarkan kepada masyarakat setempat. Seramai 183 orang responden dipilih secara rawak di Kampung Tanjung Sabtu, Manir, Kuala Terengganu. Borang soal selidik telah diedarkan melalui borang edaran kertas serta melalui Google Form yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A mengenai demografi responden iaitu latar belakang, bahagian B pula mengenai persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu dan bahagian C mengenai peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu. Data-data ini juga dianalisis menggunakan analisis deskriptif.

#### 3.2.2 Data Sekunder

Data sekunder dianggap sebagai data sampingan bagi menyokong dan mengukuhkan data primer yang diperolehi. Data sekunder lebih kepada data dalam bentuk buletin berita, majalah, surat khabar, dokumentari, pengiklanan, Internet dan

lain-lain. Penggunaan data sekunder adalah untuk menilai kualiti maklumat yang telah diperolehi dengan mengukuhkan pendapat tersebut (Walliman, 2011).

#### **a) Jurnal**

Terdapat maklumat yang diperoleh pengkaji daripada jurnal dijadikan sebagai salah satu rujukan bermanfaat untuk mengukuhkan maklumat dalam kajian ini. Sumber rujukan ini penting sebagai keterangan lanjut tentang suatu perkara dan penanda aras bagi pengkaji dalam mencapai matlamat kajian. Beberapa jurnal yang digunakan telah diambil dalam laman sesawang rasmi Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan laman yang mempunyai sumber yang boleh dipercayai.

#### **b) Buku**

Pengkaji turut menggunakan buku bagi menyokong fakta berkaitan Pura Tanjung Sabtu, seni bina rumah tradisional serta yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan warisan. Pengkaji telah memperoleh buku yang dipinjam daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan serta Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

#### **c) Sumber Internet**

Internet adalah sumber paling utama bagi kaedah pengumpulan data kerana pengkaji telah sepenuhnya menggunakan sumber internet untuk mencari pelbagai maklumat yang agak sukar untuk diperolehi secara fizikal dalam kajian berkaitan sejarah pembinaan Pura Tanjung Sabtu. Sumber berkaitan Pura Tanjung Sabtu, seni bina rumah tradisional Melayu serta peranan pihak berkepentingan dapat diakses terus melalui carian Google seperti Google Scholar, Academia, Scribd dan sebagainya.

#### d) Surat Khabar Dalam Talian

Pengkaji juga mendapatkan maklumat melalui surat khabar dalam talian dengan carian melalui Google. Berpandukan laman web yang sahih, pengkaji telah memilih surat khabar dalam talian seperti Berita Harian, Utusan Borneo, Bernama dan TRDI News yang merupakan media rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. TRDI News dan TV Darul Iman adalah platform bercetak dan web yang dibenarkan di bawah Urusetia Penerangan Darul Iman (UPDI).

### 3.3 Teknik Pensampelan

Menurut Walliman (2011), pensampelan merupakan proses yang hanya memilih populasi kecil daripada populasi besar sebagai responden. Ini kerana, dapatan kajian daripada populasi kecil yang diperolehi akan mewakili populasi besar. Sampel ini digunakan sebagai deduksi daripada populasi besar melalui hubungkait teori sedia ada (Taherdoost, 2016). Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan dan pensampelan bebola salji (*snowball*).

#### 3.3.1 Teknik Pensampelan Bertujuan

Teknik pensampelan bertujuan dipilih untuk memahami dan memperoleh pendapat responden mengikut kepakaran mereka (Merriam dan Tisdell, 2016). Kajian ini menumpukan dalam mengkaji pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu. Secara tidak langsung kajian ini mengkaji jenis kerosakan serta peranan pihak berkepentingan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu.

### Jadual 3.1 Responden Temu Bual

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Bil	Kod	Huraian	Jawatan
1.	Responden 1	Ahli JPKK Tanjung Sabtu	Setiausaha JPKK Tanjung Sabtu
2.	Responden 2	Ahli JPKK Tanjung Sabtu	Pengerusi JPKK Tanjung Sabtu
3.	Responden 3	Tukang seni buat rumah tradisional	Ketua tukang kayu rumah Pura Tanjung Sabtu (1992)

Jadual 3.1 menunjukkan tiga orang responden mengikut bidang kepakaran mereka telah dipilih di dalam kajian ini. Antaranya adalah dua ahli JPKK Tanjung Sabtu, dan seorang ahli pakar senibina rumah. Kesemua responden berumur 40 tahun ke atas bersesuaian dengan pengalaman mereka yang berkesempatan berkunjung ke rumah Pura Tanjung Sabtu.

Bagi dua ahli JPKK Tanjung Sabtu telah memberikan maklumat mengenai kerosakan yang berlaku di rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu serta tindakan yang diambil oleh mereka selaku orang yang bertanggungjawab terhadap rumah tersebut. Manakala ahli pakar senibina rumah bagi mengenal pasti kerosakan yang berlaku ke atas rumah Pura Tanjung Sabtu.

### **3.3.2 Teknik Pensampelan Bebola Salji (*Snowball*)**

Teknik pensampelan bebola salji juga digunakan dalam kajian ini. Teknik pensampelan ini berantai yang bermula dengan subjek utama atau benih (*seeds*), kemudian direkrut segolongan subjek satu; subjek satu pula merekrut segolongan subjek dua (Palinkas *et al*, 2013). Kitaran ini berterusan berkembang hingga mencapai sejumlah tahap telah ditentukan. Oleh itu, subjek utama dipilih iaitu Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Tanjung Sabtu, Terengganu. Rumah Pura Tanjung Sabtu terletak di dalam kawasan Kampung Tanjung Sabtu di Terengganu. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan bebola salji bagi mencapai tiga objektif kajian ini di samping memastikan rantaian rujukan kekal dalam batasan yang berkaitan dengan kajian.

### **3.3.3 Saiz Pensampelan**

Bagi saiz pensampelan, pengkaji mengambil tiga orang yang berkaitan dan mengikut kepakaran mereka masing-masing. Ini bagi mudah mendapatkan maklumat dengan orang berkepentingan yang pakar dan mahir dalam bidang mereka. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengambil responden mengikut saiz sampel bidang kepakaran mereka antaranya ialah dua ahli JPKK Tanjung Sabtu dan seorang ahli pakar senibina rumah.

#### **a) Responden Temu Bual**

Bagi pendekatan kualitatif, pengkaji mengambil tiga orang responden bagi membantu mencapai objektif kajian tentang jenis kerosakan yang berlaku di rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu. Antaranya ialah dua ahli JPKK Tanjung Sabtu dan seorang orang pakar seni bina rumah tradisional.

### b) Responden Tinjauan


Bagi pendekatan kuantitatif pula, pengkaji mendapat 183 orang responden yang terdiri daripada beberapa wakil responden yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu seperti komuniti setempat, NGO, pelancongan dan pihak yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu.

### 3.4 Analisis Data

Analisis data secara dasarnya adalah proses memahami data yang diperolehi berdasarkan soalan kajian (Merriam dan Tisdell, 2016). Menurut Flick (2014), analisis data kualitatif merupakan pembahagian dan tafsiran bahan linguistik (atau visual) yang membentuk suatu pernyataan sama ada tersurat atau tersirat yang berkaitan dengan bahan. Analisis data kualitatif digunakan bertujuan menjawab persoalan kajian pengkaji.

#### 3.4.1 Kualitatif: Analisis Tematik

Kajian ini menggunakan analisis tematik. Menurut Castleberry dan Nolen (2018: 2), analisis tematik adalah proses pendekatan yang biasa digunakan dalam semua reka bentuk kualitatif.



Rajah 3.1 Proses Analisis Data

Rajah 3.1 menunjukkan proses yang dijalankan untuk menganalisis data. Analisis data dimulakan dengan proses transkripsi yang diperolehi daripada hasil rakaman audio yang diambil oleh pengkaji ketika menemu bual responden dan diubah dalam bentuk penulisan.

### a) Transkripsi

A	Kira ada tujuh buah rumah, pastu dia ada gabungan pelbagai aa jenis rumah yang ada kat Terengganu ni?
B	Ya. Dia ada tujuh buah rumah. Enam buah rumah tu dia disatukan jadi panjanglah sebab dia gabung. Satu rumah tu berasingan. Jadi aa memang kita tengok tu comel la sebab dia panjang gitu. Sebenarnya dia rumah sebiji-sebiji pada peringkat awalnya. Jadi dia dibuat panjang, dicantum. Dan di sekitarnya tu pulak dia buat pagar ada pintu gerbang, ada kawasan rehat. Aa gitu.
A	Maknanya masa bina rumah tuu, dia amik daripada kampung tu atau dia bina saja?
B	Dia amik kayu, dia amik daripada kampung tu binaan tu hok asal tu bawak mari ke sini pindah ke sini, dia bina balik aa.
A	oo. dia pecah-pecah cantum balik.

Rajah 3.2 Transkrip yang ditulis oleh pengkaji

Segala maklumat daripada rakaman audio dimainkan kemudian ditulis dan disusun maklumat yang berkaitan agar lebih mudah difahami. Rajah 3.2 menunjukkan antara transkrip yang ditulis oleh pengkaji daripada rakaman audio temu bual pengkaji dengan responden. Pengkaji menggunakan rakaman audio daripada telefon pintar bagi merekod perbualan responden.

### b) Pengekodan

Pengkaji membiasakan diri dengan data diperolehi. Pengkaji membuat pembacaan semula transkrip dan mengeluarkan maklumat yang relevan dengan kajian mengenai pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu. Dengan pengekodan pada transkrip temu bual akan dapat membantu pengkaji mengumpulkan

maklumat yang mencapai objektif kajian dan persoalan kajian (Merriam dan Tisdell, 2016).

### c) Penentuan Tema

A	Kira ada tujuh buah rumah, pastu dia ada gabungan pelbagai aa jenis rumah yang ada kat Terengganu ni?	Commented [AA56]: Bentuk rumah Commented [AA57]: Bentuk rumah
B	Ya. Dia ada <b>tujuh buah rumah</b> . <b>Enam buah rumah tu dia disatukan jadi panjanglah</b> sebab dia gabung. <b>Satu rumah tu berasingan</b> . Jadi aa memang kita tengok tu comel la sebab dia panjang gitu. Sebenarnya dia rumah sebiji-sebiji pada peringkat awalnya. Jadi dia dibuat panjang, dicantum. Dan di sekitarnya tu pulak dia buat pagar ada pintu gerbang, ada kawasan rehat. Aa gitu.	Commented [AA58]: Pembinaan rumah PTS Commented [AA59]: Pembinaan rumah PTS Commented [AA60]: Pembinaan rumah PTS

Rajah 3.3 Tema ditentukan dan ditulis pada kanan transkrip

Pengkaji menentukan tema dengan mengambil kira maklumat penting dan utama yang berkaitan kajian rumah Pura Tanjung Sabtu daripada pengekodan yang telah dilakukan. Melalui proses ini, pengkaji dapat mengetahui isi-isi penting daripada penentuan tema bagi mencapai objektif kajian (Rajah 3.3).

### d) Laporan

Setelah tema ditentukan sepenuhnya, pengkaji beralih ke langkah penulisan. Pengkaji menghasilkan laporan penyelidikan berdasarkan tema yang diperolehi daripada data. Laporan dapat dihasilkan setelah pengkaji mengenal pasti tema di dalam kajian ini.

### e) Triangulasi

Proses triangulasi dilakukan dengan menggabungkan sumber data, tenaga pengkaji, teori dan teknik metodologi dalam suatu kajian (Jasmi, 2012:12). Kesemua perkara ini digunakan bagi memperoleh daptatan kajian yang lebih kukuh. Pengkaji mengukuhkan suatu kenyataan dengan maklumat daripada sumber sekunder dipercayai

serta penambahan daripada dapatan kajian sebagai sumber primer hingga menjadi maklumat yang lengkap dan jelas.

### **3.4.2 Kuantitatif: Analisis Deskriptif**

Pengkaji akan menggunakan analisis deskriptif bagi menganalisis data berdasarkan pendekatan kuantitatif. Menurut Creswell (2018), analisis deskriptif merupakan data bagi pembolehubah dalam kajian termasuk menghuraikan keputusan melalui mean (purata), sisihan piawai (*standard deviatio*) dan julat markah. Dengan analisis deskriptif, pengkaji mampu mengungkapkan suatu peristiwa di samping membantu membuat kesimpulan mengenai data numerikel (Md Yasin, 2015). Analisis deskriptif ini digunakan untuk menganalisis data dari borang kajian soal selidik. Prosedur SPSS akan digunakan bagi membantu memudahkan menganalisis data dari borang kajian soal selidik.

Bentuk soal selidik merupakan soal selidik tertutup yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A memfokuskan kepada demografi iaitu latar belakang responden. Bahagian B pula mengenai persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu diakhiri dengan Bahagian C berkaitan peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu.

### 3.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab tiga ini dapat membantu pengkaji dalam menggunakan metodologi kajian berikut bersesuaian dengan projek penyelidikan ini. Penggunaan pendekatan kualitatif sesuai dan fleksibel dengan kajian ke atas Pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu melalui teknik pengumpulan data secara tinjauan dan temu bual responden yang terpilih. Diharapkan dengan analisis tematik akan dapat membantu sedikit sebanyak pengkaji dalam mengkaji kajian ke atas rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu dengan pemahaman yang lebih mendalam dan meluas.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab empat membincangkan hasil dapatan kajian mengenai pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu. Hasil kajian ini membincangkan mengenai persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu, mengkaji kerosakan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu serta menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu.

Dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini berdasarkan hasil temu bual dan edaran borang soal selidik. Temu bual yang dijalankan kepada tiga orang responden yang terdiri daripada Penghulu Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Tanjung Sabtu, Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Tanjung Sabtu dan tukang seni pembuat rumah tradisional yang juga merupakan tukang buat rumah Pura Tanjung Sabtu. Data temu bual dianalisis melalui penggunaan analisis tematik yang mengubah daripada bentuk rakaman kepada bentuk teks melalui proses transkripsi.

#### 4.1 Demografi Responden

Demografi responden terdiri daripada latar belakang responden. Latar belakang termasuklah jantina, umur, pekerjaan negeri bermastautin, bangsa, taraf pendidikan dan status perkahwinan.

##### a) Jantina Responden

Jadual 4.1 Responden Mengikut Jantina

	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	88	48.1%
	Perempuan	95	51.9%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		183	100%

Jadual 4.1 menunjukkan jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 183 orang (100%) yang terdiri daripada 48.1% responden lelaki iaitu seramai 88 orang dan selebihnya 51.9% responden perempuan iaitu seramai 95 orang. Melalui data yang diperolehi menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki.

b) Umur Responden

Jadual 4.2: Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus
19 tahun ke bawah	3	1.6%
20-29 tahun	123	67.2%
30-39 tahun	46	25.1%
40-49 tahun	3	1.6%
50-59 tahun	5	2.7%
60 tahun ke atas	3	1.6%
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>183</b>	<b>100%</b>

Jadual 4.2, menunjukkan bilangan responden mengikut umur. Terdapat enam kategori peringkat umur yang dinyatakan di dalam borang kajian soal selidik iaitu 19 tahun ke bawah, 20-29 tahun, 30-39 tahun, 40-49 tahun, 50-59 tahun dan 60 tahun ke atas.

Bagi kategori 20-29 tahun adalah seramai 123 orang responden bersamaan 67.2%, kategori 30-39 tahun terdiri daripada 46 orang responden bersamaan dengan 25.1% dan kategori umur 50-59 tahun adalah seramai 5 orang (2.7%).

Terdapat tiga kategori umur yang mendapat bilangan yang sama iaitu kategori 19 tahun ke bawah, 40-49 tahun dan 60 tahun ke atas iaitu seramai 3 orang responden bersamaan 1.6% setiap satu. Oleh itu, responden di antara umur 20-29 tahun adalah yang paling ramai menjawab borang kajian soal selidik ini.

c) Pekerjaan Responden

Jadual 4.3 Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Sektor Kerajaan	31	16.9%
Sektor Swasta	72	39.3%
Bekerja Sendiri	10	5.5%
Pelajar	62	33.9%
Tidak Bekerja	8	4.4%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>183</b>	<b>100%</b>

Terdapat lima jenis pekerjaan responden yang telah disenaraikan di dalam borang kajian soal selidik seperti di dalam Jadual 4.3 iaitu sektor kerajaan, sektor swasta, bekerja sendiri, pelajar dan tidak bekerja. Berdasarkan Jadual 4.3, dapat dilihat bahawa sebanyak 72 orang (39.3%) bekerja di sektor swasta diikuti dengan golongan pelajar sebanyak 62 orang (33.9%).

Selain itu, seramai 31 orang responden bersamaan 16.9% pula bekerja di sektor kerajaan, dan golongan bekerja sendiri pula adalah seramai 10 orang (5.5%) responden. Akhir sekali, bagi golongan tidak bekerja adalah seramai 8 orang responden bersamaan (4.4%).

d) Negeri Bermastautin Responden

Jadual 4.4 Responden Mengikut Negeri Bermastautin

Negeri Bermastautin	Bilangan	Peratus
Sarawak	0	0%
Kelantan	19	10.4%
Terengganu	144	78.7%
Pulau Pinang	0	0%
Sabah	3	1.6%
Johor	1	0.5%
Pahang	1	0.5%
Melaka	10	5.5%
Perak	1	0.5%
Kedah	1	0.5%
Selangor	1	0.5%
Negeri Sembilan	2	1.1%
Perlis	0	0%
Wilayah Persekutuan	0	0%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>183</b>	<b>100%</b>

Jadual 4.4 menunjukkan jumlah responden berdasarkan negeri bermastautin. Majoriti responden di dalam kajian ini bermastautin di negeri Terengganu dengan jumlah 144 orang bersamaan 78.7% manakala, jumlah responden yang bermastautin di negeri Kelantan adalah seramai 19 orang (10.4%) dan Melaka terdapat 10 orang responden sebanyak 5.5%.

Selain itu, responden yang bermastautin di negeri Sabah adalah seramai 3 orang (1.6%) dan sebanyak 2 orang (1.1%) responden yang bermastautin di Negeri Sembilan. Akhir sekali, negeri Selangor, Kedah, Perak, Pahang dan Johor mencatat angka bilangan seorang sebanyak (0.5%) setiap satu. Manakala negeri Sarawak, Pulau Pinang, Perlis dan Wilayah Persekutuan tiada responden yang menjawab borang soal selidik ini.

Oleh itu, responden dari negeri Terengganu yang memberi maklum balas terhadap kajian ini kerana rumah Pura Tanjung Sabtu berada di Terengganu dan mudah untuk berkunjung ke sana berbanding responden dari negeri lain.

e) Bangsa Responden

Jadual 4.5 Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Responden
Melayu	180	98.4%
Cina	1	0.5%
India	0	0%
Lain-lain	2	1.1%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>183</b>	<b>100%</b>

Jadual 4.5 menunjukkan peratusan responden mengikut bangsa. Terdapat empat kategori bangsa yang dinyatakan di dalam borang soal selidik iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Seramai 180 orang (98.4%) responden terdiri daripada bangsa Melayu. Bangsa lain iaitu bumiputera selain daripada Melayu, Cina dan India adalah seramai 2 orang (1.1%) responden. Akhir sekali, bangsa Cina seramai seorang responden menunjukkan hanya sebanyak 0.5% dan tiada responden berbangsa India.

f) Taraf Pendidikan Responden

Jadual 4.6 Responden Mengikut Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	Bilangan	Responden
SPM	15	8.2%
STPM	10	5.5%
Diploma	49	26.8%
Ijazah	105	57.4%
Sarjana	3	1.6%
PHD	0	0%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>183</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan Jadual 4. 6, terdapat enam jenis taraf pendidikan yang dikenal pasti di kalangan responden yang telah menjawab borang soal selidik ini. Majoriti responden memiliki taraf pendidikan di peringkat ijazah iaitu seramai 105 bersamaan 57.4% dan diikuti kedua tertinggi iaitu seramai 49 orang (26.8%) responden yang mempunyai taraf pendidikan diploma. Taraf pendidikan ketiga tertinggi ialah SPM iaitu seramai 15 orang (8.2%) dan diikuti taraf pendidikan STPM seramai 10 orang responden bersamaan 5.5%. Akhir sekali, taraf pendidikan bagi Sarjana adalah seramai 3 orang (1.6%) responden dan seorang bertaraf pendidikan UPSR sebanyak 0.5%. Bagi taraf pendidikan PHD pula tiada responden. Kesimpulannya, kebanyakan responden terdiri daripada golongan berijazah kerana mereka mempunyai kaitan dengan bidang mereka berkenaan rumah Pura Tanjung Sabtu.

g) Status Perkahwinan Responden

Jadual 4.7 Responden Mengikut Status

<b>Status</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Responden</b>
Bujang	122	66.7%
Berkahwin	61	33.3%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>183</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan Jadual 4.7, jumlah keseluruhan responden adalah seramai 183 orang (100%) responden yang menjawab soal selidik ini. Responden yang berstatus bujang adalah lebih ramai berbanding responden yang sudah berkahwin. Responden berstatus bujang adalah seramai 122 orang (66.7%) berbanding responden yang berstatus berkahwin adalah seramai 61 orang bersamaan 33.3%. Oleh itu, berdasarkan data yang diperolehi didapati orang yang bujang lebih ramai mengetahui berkaitan rumah Pura Tanjung Sabtu berbanding responden berkahwin.

## 4.2 Minat Responden terhadap isu-isu berkaitan dengan rumah Pura Tanjung Sabtu

Jadual 4.8 Responden mengikut minat responden terhadap isu-isu berkaitan dengan rumah Pura Tanjung Sabtu

<b>Minat terhadap isu-isu berkaitan dengan rumah Pura Tanjung Sabtu</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Responden</b>
Berminat	179	97.8%
Tidak Berminat	4	2.2%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>183</b>	<b>100%</b>

Menurut Jadual 4.8, menunjukkan minat responden terhadap isu-isu berkaitan dengan Rumah Pura Tanjung Sabtu seramai 179 orang responden bersamaan 97.8% berminat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan rumah Pura Tanjung Sabtu. Manakala responden yang kurang berminat dengan isu-isu berkaitan dengan rumah Pura Tanjung Sabtu adalah seramai 4 orang (2.2%).

#### 4.3 Wakil Responden yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu

Jadual 4.9 Responden mengikut wakil yang berminat dengan rumah Pura Tanjung

Sabtu

<b>Wakil Responden yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Responden</b>
Komuniti Setempat	55	30.1%
Badan Kerajaan	0	0%
NGO	27	14.8%
Pelancongan	31	16.9%
Pihak yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu	70	38.3%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>183</b>	<b>100%</b>

Jadual 4.9 menunjukkan responden yang mewakili lima pihak iaitu komuniti setempat, badan kerajaan, NGO, pelancongan dan pihak yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu. Majoriti responden dikategorikan sebagai pihak yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu iaitu seramai 70 orang (38.3%) responden, diikuti pihak kedua tertinggi yang mewakili responden ialah komuniti setempat seramai 55 orang (30.1%) responden dan pihak ketiga tertinggi ialah pelancongan seramai 31 orang (16.9%) responden. Akhir sekali pihak NGO adalah wakil yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu iaitu seramai 27 orang (14.8%) dan tiada responden daripada badan kerajaan.


#### 4.4 Sejarah rumah Pura Tanjung Sabtu

Pura merupakan perkataan yang diambil daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud istana. Menurut Abdullah dan Abdullah (2017), *pura* merupakan antara terjemahan kosa kata leksis Sanskrit yang bermaksud bandar, kota dan negeri. Kenyataan ini turut disokong oleh Responden 1 yang menyatakan ‘...sebenarnya *pura ni bermaksud dalam bahasa sanskrit istana...*’ (Temu bual 24 Oktober 2022).

Pura Tanjung Sabtu merupakan himpunan beberapa jenis rumah tradisional dari sekitar Terengganu yang bertapak di Kampung Tanjung Sabtu. Pura Tanjung Sabtu turut dikenali sebagai Tujuh Rumah Putera (Utusan Borneo, 2020). Responden 1 menyatakan bahawa Pura Tanjung Sabtu telah diasaskan oleh keturunan kerabat diraja Terengganu, Tengku Ismail bin Tengku Su merangkap sepupu Sultan Mizan Zainal Abidin Yang Ketiga. Menurut Responden 1, ‘...*Hok ni dibawa oleh Tengku Ismail pengasas atau pemilik tanah tuu aa Tengku Ismail makna situ buat catatan situ daripada pemilik asal Tengku Ismail. Tengku Ismail ni sepupu kepada Sultan Mizan...*’ (Temu bual 24 Oktober 2022).

Idea ini bermula apabila Tengku Ismail terinspirasi setelah melihat sendiri bangunan Istana Nijojo di Jepun yang cantik dipulihara. Beliau juga ingin melakukan pemeliharaan istana kayu Melayu lama di Malaysia (Cycle, 2007). Beliau sedar akan potensi tersebut dapat membantu menyelamatkan warisan seni bina rumah Melayu tradisional daripada hilang ditelan zaman. Dengan keluasan tapak seluas 14 ekar yang diperolehi oleh Tengku Ismail, Tengku Ismail telah memanfaatkannya untuk membina rumah tradisional Terengganu.

Seterusnya, kebanyakannya rumah tradisional Terengganu di Pura Tanjung Sabtu telah dibeli oleh Tengku Ismail sendiri dari kampung-kampung sekitar Terengganu lalu dipasang semula di tanah peribadi beliau di Kampung Tanjung Sabtu. Kenyataan ini turut disokong oleh Responden 3 dengan menyatakan bahawa, ‘Rumah yang dipasang semula ada lebih kurang 9 buah rumah.’ (Temu bual 10 Februari 2023) dan ‘...Rumah-rumah ini dibeli oleh Tengku Ismail yang pada ketika itu, saya berada bersama dia ketika proses pembelian dan rumah-rumah ini dipindahkan ke kawasan itu pada tahun 1992...’ (Temu bual 10 Februari 2023). Rumah Pura Tanjung Sabtu dianggap sebagai binaan lama bertapak di Terengganu. Kenyataan ini disokong oleh Responden 2 yang menyatakan bahawa, ‘...memang rumah tu istana lama lah. Dan dia berumur di lingkungan 200 tahun...’ (Temu bual 17 November 2022).



Rajah 4.1 Pelan rumah Pura Tanjung Sabtu dari pandangan atas.

Sumber: Cycle. A, 2007

Rajah 4.1 menunjukkan pelan rumah Pura Tanjung Sabtu yang direka sendiri oleh Tengku Ismail. Pelan yang menghimpunkan tujuh buah rumah keseluruhannya adalah rumah Ibu Seberang Baroh dan rumah ini dijadikan sebagai balai resepsi. Seterusnya rumah Rhu Rendang pula dijadikan sebagai rumah persendirian Tengku Ismail, manakala rumah yang lain seperti rumah Kuala Ibai, rumah Nesan Empat, rumah Sungai Rengas, rumah Atas Tol dan rumah Tasek dijadikan rumah inap desa (*homestay*) (Cycle. A, 2007).

Kenyataan ini turut dijelaskan oleh Responden 2 bahawa rumah tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian. Antaranya ialah kawasan istana iaitu kediaman peribadi Tengku Ismail, kawasan rumah untuk orang ramai dan kawasan pertanian. Menurut Responden 2, ‘...*istanalah dan dia keluasan tapak tu 14 ekar. Tapi dibahagi kepada tiga. Yang pertama, kawasan istana. Yang kedua kawasan rumah orang kampung dalam dua tiga buah rumah pastu kawasan pertanian...*’ (Temu bual 17 November 2022).

#### 4.5 Bentuk rumah Pura Tanjung Sabtu

Tujuan utama pembinaan rumah Pura Tanjung Sabtu adalah untuk menyelamatkan rumah Melayu tradisional dengan memasang semula rumah tersebut dalam bentuk struktur bersatu, berdasarkan susun atur kediaman diraja Melayu abad ke-18 (Cycle. A, 2007) seperti Rajah 4.2. Tujuan keduanya adalah untuk menyediakan titik fokus untuk kebangkitan dan pengajaran seni tradisional dan industri kotej, terutamanya tenunan (songket). Oleh itu, pembinaan tujuh kediaman kayu di Pura Tanjung Sabtu telah dinaikkan sehingga tiga meter di atas tanah bagi memastikan peredaran udara yang lebih baik dan perlindungan daripada banjir dan hidupan liar. Pembinaan rumah Pura Tanjung Sabtu mempunyai bumbung rumah yang curam, bumbung bertingkat, berjubin tanah liat dengan hujung gable melengkung dan semuanya dipasang menggunakan palam kayu dan bukannya paku (Cycle. A, 2007).

Responden 3 menyatakan bahawa, ‘*Kebanyakan rumah yang dibina merupakan rumah bujang dan pusat rumah-rumah itu dikenali sebagai rumah ibu ataupun rumah tela*’ (Temu bual 10 Februari 2023). Rumah bujang merupakan rumah kecil yang memiliki ruang di rumah ibu dan disokong oleh tiang-tiang utama serta tidak memiliki ruang serambi (Nasir dan Wan Teh, 1997). Rumah bujang menurut konteks seni bina Melayu bermakna rumah kecil yang hanya mempunyai satu ruang di sudut rumah ibu.



Rajah 4.2 Lakaran Kompleks Istana Sultan Mansur Terengganu pada abad ke-18 yang dilukis oleh Hazrul Halim.

Sumber: Warisan Seni Bina Melayu (1997)

Rumah Pura Tanjung Sabtu dilihat sebagai sebuah pemukiman Melayu yang unik dan mempunyai pusat kebudayaan yang tersendiri. Pura Tanjung Sabtu ialah sebuah kompleks tradisional unik dari seni bina rumah kayu ukiran yang jarang ditemui yang terletak di Tanjung Sabtu di negeri Terengganu Pantai Timur Malaysia (Cycle. A, 2007).

Pura Tanjung Sabtu memiliki gabungan seni bina atau bentuk daripada Terengganu hampir keseluruhannya dan juga pengaruh seni bina daripada Asian, Kepulauan Melayu seperti Thailand, Indonesia serta Minangkabau. Responden 1, Responden 2 dan Responden 3 turut menyokong bahawa Pura Tanjung Sabtu

mempunyai pengaruh seni bina Kepulauan Melayu. Menurut Responden 1, ‘...*Dia lebih kepada Asian. Aa ade hok berbentuk macam ke Thailand pun ada, ada berbentuk macam Indonesia pun ada .. aaa dia amik dari Asia Kepulauan Melayu. Bermakna sini apakah jenis rumah yang ada? Minangkabau pun ada...*’ (Temu bual, 24 Oktober 2022). Manakala Responden 2 turut menjelaskan bahawa, ‘...*mungkin peratus dia 90% kepada senibina Terengganu, dia jugak ditambah diambil jugak senibina dari siam, dari pattani...*’ (Temu bual 17 November 2022). Menurut Responden 3 yang merupakan ketua tukang kayu rumah Pura Tanjung Sabtu semasa pembinaan rumah tersebut turut menyatakan,

‘*Seni bina rumah Terengganu yang ade hampir same dengan seni bina rumah Thailand dan Pattani dari segi pasak dan nanggang. Struktur rumah hampir sama dengan rumah Thailand dan Pattani. Bezanya pada beberapa bahagian rumah seperti peleh.*’ (Responden 3, Temu bual, 10 Februari 2023)

Penyataan mengenai pengaruh seni bina Thailand dan Pattani dalam seni bina rumah Terengganu turut disokong oleh Esmawee Haji Endut (1993) dalam kajian beliau bertajuk *Traditional Malaysian Built Forms: A Study of the Origins, Main Building Types, Development of Building Forms, Design Principles and the Application of Traditional Concepts in Modern Buildings*. Dalam laporannya, beliau menyatakan bentuk dan seni bina rumah tradisional di wilayah Pantai Timur dipengaruhi seni bina selatan Thailand dan Pattani (yang merupakan salah sebuah daerah di selatan Thailand). Hal ini adalah kerana kerajaan Melayu pada ketika itu menjadi pusat perdagangan dan kebudayaan awal kerajaan serantau Asia.



Rajah 4.3 Pedimen gaya tengah klasik yang menggabungkan panel dinding gaya luk fak.

Sumber: Seni Bina Thailand (2005)



Rajah 4.4 Bumbung berpeleh yang sedang dibina oleh tukang rumah di rumah Pura Tanjung Sabtu.

Sumber: Cycle. A (2007)

Apabila dilihat teliti, terdapat beberapa bahagian rumah Pura Tanjung Sabtu seperti bahagian peleh (Rajah 4.4) yang seakan pedimen Thailand (Rajah 4.3). Rumah-rumah ini mempunyai gelung berjubin tanah liat singgora bertingkat yang curam dengan hujung gable melengkung atau dipanggil *peleh* (pemeleh) yang berbentuk “V” terbalik dengan lengkungan pada hujung. Menurut Sthapitanonda dan Mertens (2005), pedimen rumah di Thailand biasanya dipanggil *na chua*. Bumbung yang menutup hujung gable bumbung dapat melindungi bahagian dalam daripada matahari, angin dan hujan. Binaan tersebut diperbuat daripada kayu asli chengal (*Neobalanocarpus Heima*), yang terkenal dengan ketahanannya (Cycle. A, 2007).

Selain itu, terdapat kenyataan oleh Responden 3 bahawa rumah Pura Tanjung Sabtu juga menggunakan teknik seni bina rumah Thailand iaitu *pasak*. Menurut Responden 3, ‘*Seni bina rumah Terengganu yang ade hampir same dgn seni bina rumah Thailand dan Pattani dari segi pasak dan nanggang.*’ Kebiasaannya rumah tradisional Melayu dibina dengan binaan secara pasak atau palam kayu naga buatan

dalam negeri telah digunakan sebagai ganti (Cycle. A, 2007). Pasak yang juga dikenali sebagai kaedah tanggam merupakan sistem penyambung bangunan dibina tanpa sebarang paku.



Rajah 4.5 Kerja-kerja proses nanggang iaitu pasang di bawah hingga siap, buka dan pasang semula di atas.

Sumber: kajian lapangan (2023)



Rajah 4.6 Struktur kayu bumbung dipasang sebelum dinaikkan di atas kabin dan dipasang dengan jubin.

Sumber: Seni Bina Thailand (2005)

Nanggang dalam seni bina Thailand pula adalah proses pembinaan rumah kayu yang dipasang dari bawah dan kemudiannya dipasang di atas setelah siap seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.5 dan 4.6. Kaedah kerja pembinaan rumah Melayu dianggap bijak kerana seni bina warisan Melayu boleh dibuka dan dipasang semula di tempat lain atau dikenali sebagai kaedah pasang siap. Seperti dalam seni bina Thailand, penggunaan kelengkapan cantuman dan tidak menggunakan paku membolehkan tiang, rasuk dan elemen lain mudah dibuka dan digunakan semula (Sthapitanonda & Mertens, 2005).



Rajah 4.7 Rumah Ibu Seberang Baroh yang dijadikan sebagai balai resepsi berunsurkan seni bina Thailand.

Sumber: Cycle. A (2007)



Rajah 4.8 Teres rumah bangsawan Siam sering berpusat pada pavilion terbuka, atau *ho klang*, seperti yang dilihat di Rumah Khun Phaen di wilayah Ayutthaya.

Sumber: Seni Bina Thailand (2005)

(Rajah 4.7) memiliki pengaruh seni bina Thailand di mana persamaan rumah tengahnya yang mempunyai teres kayu luas atau *chaan*. Rumah tengahnya juga dikelilingi oleh rumah lain serta terdapat ruang akses laluan keluar masuk. Menurut Sthapitanonda dan Mertens (2005), menyatakan apabila dilihat dari pandangan mata burung, dek ini merupakan bahagian tunggal terbesar rumah, menduduki sebanyak 40% daripada pelan lantai, atau 60% jika kabin beranda disertakan. Keadaan pavilion yang terbuka (Rajah 4.8) telah menyumbang kepada nama Thainya iaitu *chong maew rod*, yang bermaksud 'pintu gerbang kucing'. Tetapi jurang itu bertujuan untuk memberikan laluan angin masuk (Sthapitanonda & Mertens, 2005).

#### **4.6 Fungsi rumah Pura Tanjung Sabtu pada zaman kegemilangannya**

Pembinaan rumah Pura Tanjung Sabtu awalnya adalah sebagai inap desa bertemakan kampung bagi orang kenamaan. Antara orang kenamaan yang biasa berkunjung ke rumah Pura Tanjung Sabtu adalah seperti sultan-sultan di Malaysia serta pemimpin-pemimpin negara Malaysia. Kerabat diraja seringkali mencemar duli ke rumah Pura Tanjung Sabtu untuk berehat di samping memancing udang, ikan dan hidupan sungai yang lain. Pura Tanjung Sabtu juga dikelilingi Sungai Nerus sepanjang 500 meter dan terdapat Lubuk Aji yang masyhur dengan lubuk udang.

Lubuk Aji merupakan lubuk udang iaitu sebuah tempat pilihan kaki pancing dan nelayan sungai satu ketika dahulu yang terletak di hujung Kampung Tanjung Sabtu. Selain menjadi tempat sumber rezeki, Lubuk Aji turut menjadi tempat berlabuh orang kampung di sekitar Sungai Nerus. Terdapat tiga buah batu besar yang menjadi tempat udang berkumpul disekitar lubuk tersebut. Kenangan dahulu, Lubuk Aji juga menjadi tempat kegemaran budak-budak kampung melakukan aktiviti menyelam riadah selain untuk mendapatkan udang sekitar batu besar dengan menggunakan anak panah yang diperbuat daripada lidi basikal.

Lubuk Haji bukan saja nama kepada lubuk tetapi nama kepada kampung kerana kemashurannya dan sekarang telah bertukar kepada Kampung Tanjung Sabtu. Terdapat cerita-cerita misteri yang dikaitkan dengan Lubuk Haji suatu ketika dahulu seperti terdapat sebuah kolam yang dijaga penunggu, buaya putih, kura-kura emas dan lain-lain. Pada masa kini Lubuk Haji masih kekal sebagai tempat menangkap udang walaupun hasilnya jauh berbeza berbanding pada masa dahulu.

Selain itu, di sekitar rumah Pura Tanjung Sabtu juga terdapat perusahaan songket yang diasaskan oleh Tengku Ismail. Hal ini turut disokong oleh Responden 2 yang menyatakan,

*Aa rumah ni jugak ataupun Ku Ismail (Tengku Ismail) ni jugak salah seorang pengeluar songket yang untuk istana-istana. Jadi dia digelar dengan raja songket. Di situ ada pembuatan songket, di rumah tadi. Ada pekerja-pekerja dia buat apa ni aa songket-songket yang mahal yang berkualiti untuk pihak istana dan jugak untuk mungkin dihantar ke Eropah sebagainya lah. Dan dia Tengku Ismail ada hubungan dengan istana di sebelah luar dan di UK dan sebagainya. (Responden 2 Temu bual 17 November 2022).*

Menurut Responden 2, perusahaan songket telah mendapat sambutan ramai hingga menerima permintaan tinggi termasuk dari luar negara. Permintaan songket turut dihantar ke luar negara oleh kerana Tengku Ismail mempunyai hubungan luar seperti di negara Eropah dan United Kingdom. Pembuatan songket yang mahal adalah kerana berkualiti tinggi hingga sentiasa mendapat permintaan dari pihak istana di Malaysia.

#### **4.7 Punca kerosakan di rumah Pura Tanjung Sabtu**

Selepas kemangkatan Tengku Ismail pada 2011, tiada siapa yang menguruskan rumah Pura Tanjung Sabtu hingga rumah tersebut terbiar usang dan dipenuhi semak samun yang menebal di sekitarnya. Kenyataan ini disokong oleh Responden 1 dan Responden 2 yang menyatakan bahawa keadaan rumah Pura Tanjung Sabtu terbiar tidak terurus selepas kemangkatan tuannya.

Responden 1 menjelaskan bahawa, ‘...*salah satunya kenapa terbiar sebab tuan punye rumah ni meninggal dunia. Tengku Ismail ni meninggal, tiada pewaris bila nikah kahwin takde anak. Dia meninggal di London...*’ (Temu bual 24 Oktober 2022). Tengku Ismail. Responden 2 menyatakan bahawa, ‘...*setelah ketiadaan tuannya, Tuan Tengku Ismail terbiar sehingga di kelilingi oleh semak samun, pokok-pokok besar meneggelamkan istana...*’ (Temu bual 17 November 2022).



Rajah 4.9 Tangga asal pada struktur rumah Pura Tanjung Sabtu hilang dan digantikan dengan tangga sementara.

Sumber: Kajian Lapangan

Punca kerosakan pada rumah Pura Tanjung Sabtu juga disebabkan oleh beberapa agen kerosakan. Antaranya ialah pencuri, perosak dan perompakan. Perkara ini difokuskan kepada keselamatan rumah di mana terdapat kes kecurian barang-barang di dalam rumah Pura Tanjung Sabtu. Kenyataan ini disokong oleh Responden 2 bahawa terdapat juga kehilangan kayu-kayu seperti kayu tangga hadapan yang dicuri orang seperti pada Rajah 4.9. Menurut Responden 2, '*...ada orang curi barang-barang yang ada situ dan ambil benda-benda yang berhargalah seperti pintu, tangga yang mana boleh ambil, orang ambil...*' (Temu bual 17 November 2022).

Keduanya ialah agen perosak yang terdiri daripada tiga elemen utama seperti usia bangunan dan struktur, koleksi ataupun bahan penggunaan yang menjadi sumber makanan serangga dan tikus serta kedudukan rumah Pura Tanjung Sabtu. Ketahanan bangunan dilihat dari segi penyelenggaraan yang baik serta terurus.


Namun, tindakan kurang prihatin terhadap kebersihan rumah Pura Tanjung Sabtu menyebabkan mudahnya rumah tersebut terdedah dengan serangan perosak seperti tikus dan anai-anai hingga menjaskan keadaan rumah Pura Tanjung Sabtu.



Rajah 4.10 Kayu yang telah dimakan oleh agen perosak (anai-anai).


Sumber: Kajian Lapangan

Rajah 4.10 menunjukkan kepingan kayu yang telah reput. Kayu dapat menarik serangga untuk menggali hingga meninggalkan sisa yang dipanggil *frass*. Terdapat sejenis serangga yang paling kerap menyerang kepingan kayu dalam iklim sederhana iaitu semut tukang kayu dan kumbang perabot yang kadang-kalanya dipanggil kumbang serbuk. Anai-anai juga wujud dalam iklim yang lebih panas. Rajah 4.9 juga menunjukkan permukaan kayu bawah rumah yang telah dimakan anai-anai.



Rajah 4.11 Kayu pada lantai rumah kayu yang telah patah.

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4.12 Struktur atap rumah Pura Tanjung Sabtu yang roboh.

Sumber: Kajian Lapangan

Terdapat juga kerosakan lain seperti struktur rumah Pura Tanjung Sabtu yang tidak kukuh. Antaranya lantai yang rosak adalah disebabkan oleh berlaku pereputan hingga ada sebahagiannya yang rosak seperti pada Rajah 4.11. Struktur atap yang roboh seperti pada Rajah 4.12 pula adalah disebabkan faktor cuaca seperti angin ribut yang menyebabkan terdapat beberapa bahagian atap singgora yang hilang diterbang

angin. Responden 3 menyatakan bahawa, ‘...Pada ketika ini, keadaan rumah-rumah ini sangat uzur dan rosak teruk. Antara kerosakan yang ade pada rumah-rumah ini seperti struktur atap yang roboh, lantai rosak dan lain-lain...’ (Temu bual 10 Februari 2023).

Terdapat juga permasalahan dalam pengurusan rumah Pura Tanjung Sabtu. Menurut Responden 2,

*Tapi dia ada beberapa masalah. Dan sebelum ni pun ada dengar dari pihak maidam hendak baik pulih. Tapi masalahnya, aa rumah tu yang pertamanya rumah adalah pusaka. Bukan milik individu. Pusaka maksudnya, belum dibahagi-bahagikan lagi dengan tak terekod. Dia ada adik-beradik dia dan jugak anak-anak saudara dia yang berhak ke atas rumah tu sebab rumah tu jadi harta pusaka. Tu yang pertama. Yang keduanya, tanah tu pulak bukan pusaka, sebab tanah tu adalah wakaf, wakaf milik ramai. Jadi susah laa dia nak jual tak boleh. Contoh kita kata, nak baik pulih sebab tanah tu rumah tu berada di atas tanah wakaf. Tu yang pertama. Dan yang keduanya masalah dia jugak tiada muafakat ahli keluarga. Pastu yang ketiganya, agensi tadi agensi yang tak berani lah, muzium dia kurang berminat sebab nak declar rumah tu rumah yang asal tak boleh sebab dia dah sebahagiannya dah dicantum dengan senibina lain bukan senibina Terengganu. (Responden 2 Temu bual 17 November 2022)*

Berdasarkan penyataan di atas, terdapat isu berkenaan hak pemilikan tanah yang tidak diketahui. Ini dapat dibuktikan dengan tanah pusaka rumah Pura Tanjung Sabtu yang

asalnya milik Tengku Ismail. Namun setelah beliau meninggal dunia, tanah itu diwariskan kepada anak saudaranya kerana ketiadaan zuriat. Tambahan juga, waris Tengku Ismail tidak menguruskan tanah itu dengan teratur. Oleh kerana itu, pihak JPKK Tanjung Sabtu hanya dapat menguruskan beberapa ekar daripada tanah tersebut bagi mengusahakan ladang pisang. Pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) turut ingin membaik pulih rumah Pura Tanjung Sabtu namun disebabkan isu hak pemilikan tanah, usaha ini terbantut begitu sahaja.

Selain itu, terdapat permasalahan lain di mana muzium negeri kurang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu seperti yang dinyatakan oleh Responden 2. Ini kerana rumah tersebut mempunyai campuran seni bina iaitu seni bina Terengganu, Siam dan Pattani. Menurut Responden 2,

*Muzium dia kurang berminat sebab nak declair rumah tu rumah yang asal tak boleh sebab dia dah sebahagiannya dah dicantum dengan senibina lain bukan senibina Terengganu. Bukan kata senibina Terengganu, dia ada campur jugak dengan senibina luar jugak; Siam, Pattani. Begitu jugak ada yang sebahagian yang bukan yang asal, yang baru. Maksudnya dia tangga ataupun ada beberapa kawasan dibina bukan yang asal, yang baru.*

(Responden 2 Temu bual 17 November 2022)

Kenyataan Responden 2 di atas menunjukkan bahawa muzium memiliki alasan kukuh berkenaan cadangan rumah Pura Tanjung Sabtu sebagai seni bina warisan Terengganu. Antaranya, disebabkan terdapat pengaruh seni bina luar selain daripada seni bina Terengganu mengurangkan keaslian seni bina rumah radisional Terengganu. Selain

itu, terdapat juga tambahan struktur binaan yang baru bagi menggantikan struktur binaan asalnya seperti struktur tangga.

Akhir sekali, terdapat juga permasalahan seperti kos baik pulih yang tinggi. Perkara ini dibuktikan dengan kenyataan oleh Responden 2,

*Kosnya begitu tinggi, itu tidak berani satu. Modal pun tiada. Jadi kita cuba usahan secara mengikut kadar yang kita mampulah. Kita hanya mampu bersih, jaga supaya orang tak naik sangat rumah tu. Hanya setakat tu je la kita mampu setakat ni.* (Responden 2 Temu bual 17 November 2022)

Berdasarkan kenyataan Responden 2 kekurangan kos bagi membaik pulih dan menyelenggara rumah Pura Tanjung Sabtu telah menyukarkan pihak berkepentingan untuk menjalankan kerja baik pulih rumah Pura Tanjung Sabtu.

#### 4.8 Persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu

Kajian ini menggunakan skala likert lima mata dengan kekerapan iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), sederhana (*neutral*) (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Analisis dan interpretasi data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (mean) 1.00 – 1.80 (sangat tidak setuju), 1.90 – 2.60 (tidak setuju), 2.7 – 3.4 (tidak pasti), 3.5 – 4.2 (setuju) dan 4.3 – 5.0 (sangat setuju). Bahagian ini membincangkan mengenai persepsi responden terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu.

Jadual 4.10 Persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu

No.	Persepsi Masyarakat Terhadap Rumah Pura Tanjung Sabtu	Purata (Mean)	Sisihan Piawai (SD)
1.	Rumah Pura Tanjung Sabtu menggambarkan seni bina rumah Terengganu.	4.45	0.65
2.	Rumah Pura Tanjung Sabtu perlu dipulihara dan dipelihara.	4.45	0.57
3.	Rumah Pura Tanjung Sabtu merupakan tinggalan kerabat diraja.	4.34	0.68
4.	Rumah Pura Tanjung Sabtu adalah khazanah warisan Terengganu.	4.34	0.57
5.	Rumah Pura Tanjung Sabtu telah terbiar dan tidak dijaga dengan baik.	4.27	0.79
6.	Rumah Pura Tanjung Sabtu pernah dikenali sebagai tempat pembuatan songket.	4.17	0.73
7.	Rumah Pura Tanjung Sabtu digunakan sebagai rumah inap ( <i>homestay</i> ).	3.96	0.83

Jadual 4.10 menunjukkan persepsi responden terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu. Terdapat tujuh pernyataan yang diutarakan di dalam borang kajian soal selidik ini. Responden sangat bersetuju bahawa rumah Pura Tanjung Sabtu menggambarkan seni bina rumah Terengganu dengan skor purata sebanyak 4.45 (SD 0.65), rumah Pura Tanjung Sabtu perlu dipulihara dan dipelihara dengan skor purata 4.45 (SD 0.57), rumah Pura Tanjung Sabtu merupakan tinggalan kerabat diraja melalui skor purata 4.34 (SD 0.68) dan rumah Pura Tanjung Sabtu adalah khazanah warisan Terengganu dengan skor purata sebanyak 4.34 (SD 0.57).

Seterusnya, terdapat beberapa pernyataan di mana responden bersetuju bahawa rumah Pura Tanjung Sabtu telah terbiar dan tidak dijaga dengan baik ( $M=4.27$ , SD 0.79), Rumah Pura Tanjung Sabtu pernah dikenali sebagai tempat pembuatan songket ( $M=4.17$ , SD 0.73) dan Rumah Pura Tanjung Sabtu digunakan sebagai rumah inap (*homestay*) ( $M=3.96$ , SD 0.83). Secara keseluruhannya, responden mempunyai pengetahuan tentang rumah Pura Tanjung Sabtu dari segi sejarah serta keadaan terkini Pura Tanjung Sabtu.

#### **4.9 Peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung**

##### **Sabtu**

Jadual 4.11 Peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung

Sabtu

No.	Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Pemuliharaan Rumah Pura Tanjung Sabtu	Purata (Mean)	Sisihan Piawai
1.	Menyalurkan dana bagi menampung kos pembinaan semula rumah Pura Tanjung Sabtu.	4.67	0.63
2.	Menyediakan kertas cadangan pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu.	4.65	0.57
3.	Menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan bagi rumah Pura Tanjung Sabtu.	4.59	0.58
4.	Menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan rumah Pura Tanjung Sabtu.	4.53	0.52
5.	Menyebarluaskan keunikan seni bina rumah Pura Tanjung Sabtu di media sosial.	4.52	0.53
6.	Mengadakan lawatan ke rumah Pura Tanjung Sabtu bagi mengenalpasti kerosakan yang berlaku.	4.48	0.59
7.	Membentuk pasukan khusus (ahli bina rumah kayu) bagi pembinaan semula rumah Pura Tanjung Sabtu.	4.48	0.55
8.	Memberi kesedaran tentang kepentingan rumah Pura Tanjung Sabtu melalui media sosial dan kempen.	4.42	0.57

Jadual 4.11 menunjukkan peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu. Terdapat lapan pernyataan yang diutarakan di dalam borang kajian soal selidik ini. Responden sangat bersetuju sekiranya terdapat pihak yang menyalurkan dana bagi menampung kos pembinaan semula rumah Pura Tanjung

Sabtu ( $M=4.67$ ,  $SD 0.63$ ), terdapat pihak seperti JPKK Kampung Tanjung Sabtu yang menyediakan kertas cadangan pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu ( $M=4.65$ ,  $SD 0.57$ ) selain dapat menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan bagi rumah Pura Tanjung Sabtu ( $M=4.59$ ,  $SD 0.58$ ).

Seterusnya, terdapat pernyataan lain di mana responden juga sangat bersetuju jika dijalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan rumah Pura Tanjung Sabtu ( $M=4.53$ ,  $SD 0.52$ ) di samping menyebarkan keunikan seni bina rumah Pura Tanjung Sabtu di media sosial ( $M=4.52$ ,  $SD 0.53$ ).

Terdapat juga pernyataan di mana responden sangat bersetuju untuk mengadakan lawatan ke rumah Pura Tanjung Sabtu bagi mengenalpasti kerosakan yang berlaku ( $M=4.48$ ,  $SD 0.59$ ) dan turut membentuk pasukan khusus (ahli bina rumah kayu) bagi pembinaan semula rumah Pura Tanjung Sabtu ( $M=4.48$ ,  $SD 0.55$ ). Pernyataan bahawa responden sangat bersetuju dalam memberi kesedaran tentang kepentingan rumah Pura Tanjung Sabtu melalui media sosial dan kempen dengan skor purata 4.42 ( $SD 0.57$ ).

Hal ini menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju untuk memulihara kembali rumah Pura Tanjung Sabtu dengan mengambil beberapa tindakan yang sepatutnya mengikut peranan pihak masing-masing. Contohnya, tindakan Ariffin Deraman selaku Penggerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital negeri yang telah melawat kawasan Kampung Tanjung Sabtu untuk melihat perkembangan semasa pembangunan di kawasan tersebut. Tindakan beliau ini akan memberi peluang untuk membangunkan kawasan ini sebagai salah satu produk pelancongan yang dapat memberi manfaat kepada negeri Terengganu.

#### 4.10 Usaha pihak bertanggungjawab dalam memelihara rumah Pura Tanjung

##### Sabtu

Bagi mengelakkan kerosakan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu berlarutan dan tidak terurus, beberapa pihak bertanggungjawab telah mengambil inisiatif dan berusaha memelihara dan membaik pulih rumah Pura Tanjung Sabtu. Menurut Responden 1,

*Okey cumanya pihak JPKK Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Tanjung Sabtu amik lapan ekar pastu ditanam pokok pisang. Jadi sini takde kena mengena laa dengan soalan tu. Nak bagitaunye kalau JPKK tak amik buat camtu, rumah tu jadi naik semak naik hutan tempat tu. Ni tak kabo lagi berapa ekar rumah tu. Maknanya JPKK amik lapan ekar. Kesuluruhan kawasan tu 12 ekar. Lapan ekar diamik JPKK untuk buat tanaman pisang. Aa boleh rr remark situ. Lepas tu empat ekar lebih tu aa pengurusan ataupun pewaris zuriat antaranya amik buat pondok tahniz. Nama pondok tuu aa pondok Zawiyah Zaiton. Takpe rr yang tuu.. Cuma naik tu je dia buat pondok.. Zawiyah Al-Sufiyah nama pondok tu. (Responden 1 Temu bual 24 Oktober 2022)*

Melalui kenyataan oleh Responden 1, pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Tanjung Sabtu sendiri telah mengambil inisiatif dengan menggunakan lapan ekar di rumah Pura Tanjung Sabtu sebagai tempat menanam pisang. Pihak JPKK Tanjung Sabtu telah membuat permohonan kepada pewaris zuriat untuk mengambil lapan ekar tersebut sebagai perusahaan tanaman pisang. Melalui usaha penanaman pisang ini, penduduk kampung secara tidak langsung dapat membersihkan kawasan tersebut. Selain tanaman pisang, terdapat juga

pihak waris zuriat Tengku Ismail sendiri yang memanfaatkan empat ekar untuk membina pondok tafhib. Nama pondok tafhib itu diberi nama Zawiyah Al-Sufiyah yang diuruskan oleh pewaris zuriat.

Terdapat juga usaha lain yang dilakukan oleh pihak JPKK Tanjung Sabtu bagi menghidupkan kembali aktiviti-aktiviti yang pernah diadakan di Pura Tanjung Sabtu. Antaranya ialah Pertandingan Ngail Udang Galah Atas Bot pada 29 Oktober 2021 (Rajah 4.13). Pertandingan ini dianjurkan bagi program permuafakatan antara penduduk Kampung Tanjung Sabtu melalui aktiviti yang julung kalinya diadakan di Sungai Nerus itu.



Rajah 4.13 Pertandingan ngail udang galah atas bot di Sungai Nerus.

Sumber: *Facebook Rasmi JPKK Tanjung Sabtu*



Rajah 4.14 Pemenang Pertandingan Ngail Udang Galah Atas Bot bergambar bersama

YB Dato' Dr.Hj. Alias Bin Razak

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Aktiviti ini masih diteruskan pada tahun 2022 anjuran pihak JPKK Tanjung Sabtu.

Aktiviti Pertandingan Ngail Udang Galah Atas Bot telah diadakan pada 3 Disember 2022 dan turut dihadiri oleh Yang Berbahagia (YB) Dato' Dr.Hj. Alias Bin Razak selaku Ahli Parlimen Kuala Nerus (Rajah 4.13).

Akhir sekali, terdapat juga aktiviti yang telah dianjurkan oleh Pejabat ADUN Buluh Gading iaitu Program Ekspedisi Sungai Nerus. Responden 2 turut menjelaskan mengenai ekspedisi ini dimana,

*Yang ketiga kita adakan ekspedisi dengan menjelaki sungai nerus. Pada tak silap saya tahun 2021. Kita bersama menteri masa tu pergi ke naik ke hulu nerus. Bermalam di sana. Jadi kita buat aktiviti ini kita buat tahunan supaya pendedahan kepada orang ramai. (Responden 2 Temu bual 17 November 2022)*



Rajah 4.15 Para peserta dalam Program Ekspedisi Sungai Nerus Negeri Terengganu

Darul Iman

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Program Ekspedisi Sungai Nerus Negeri Terengganu Darul Iman adalah bertemakan “Hargai Air” telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man yang merupakan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA). Menurut Ahmad Sabri (2021) dalam ulasan beliau bertajuk ‘89 Bot ‘Berlayar’ Bersihkan Sungai Nerus’, program ini turut dihadiri oleh Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Terengganu, Mohd Sor Othman dalam rajah 4.14. Program ini diadakan meliputi jarak perjalanan sejauh 35 kilometer dari Kg Tanjung Sabtu ke Pengkalan Beruk serta mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan penyertaan seramai 224 peserta dengan menaiki 89 buah bot.

Program ini diadakan selama dua hari satu malam bermula pada 3 April 2021 hingga 4 April 2021. Penganjuran program ini juga melibatkan 20 JPKK yang

melibatkan empat Dun iaitu Buluh Gading, Bukit Tunggal, Tepoh dan juga Langkap. Dalam ekspedisi ini, terdapat aktiviti membersihkan sungai dari sampah sarap, pukat-pukat lama dan pokok-pokok tumbang yang memberi kesan yang positif kepada kelangsungan hidupan flora dan fauna di sepanjang sungai ini. Oleh itu, dapat dilihat bahawa penglibatan antara pihak komuniti setempat dan pihak berkuasa seperti NGO dan pihak kerajaan dalam suatu aktiviti atau program secara tidak langsung melangkah ke arah pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu. Ini kerana usaha-usaha pemuliharaan turut melibatkan semua pihak dan mempunyai komunikasi dua hala iaitu antara pihak komuniti setempat dan pihak berkuasa.

#### **4.11 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini telah menghuraikan mengenai dapatan kajian yang telah diperolehi daripada kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian dari kaedah kualitatif adalah melalui temu bual dengan dua orang responden yang terdiri daripada pengurus dan setiausaha JPKK Tanjung Sabtu. Sesi temu bual tersebut dijalankan bagi menjawab objektif kajian iaitu mengkaji kerosakan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu. Dapatan kajian yang telah diperolehi telahpun dianalisis dan dihuraikan dalam bab ini dengan kaedah pengekodan melalui huriahan yang terperinci. Selain itu, hasil kajian dari kaedah kuantitatif adalah pelaksanaan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik dan disebarluaskan melalui sosial media bagi mendapatkan responden yang mengetahui mengenai rumah Pura Tanjung Sabtu. Kaedah kuantitatif ini berdasarkan objektif iaitu persepsi masyarakat terhadap rumah dan objektif menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Kajian ini membincangkan mengenai pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu. Kajian ini merangkumi lima bab iaitu bab satu terdiri daripada pengenalan kajian yang dilakukan, bab dua pula merupakan kajian literatur dan kerangka teori, bab ketiga adalah metodologi kajian, bab empat ialah dapatan kajian dan dalam bab yang terakhir iaitu bab lima yang terdiri daripada perbincangan dan rumusan kajian.

#### 5.1 Rumusan Kajian

Bab satu di dalam kajian ini membincangkan tentang keseluruhan pengenalan kajian yang hendak dilakukan iaitu merangkumi latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Kajian ini bertujuan untuk meneroka tiga objektif iaitu mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu, mengkaji kerosakan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu dan menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu.

Permasalahan kajian didapati beberapa bahagian rumah Pura Tanjung Sabtu telah hilang dicuri seperti bahagian tangga serta terdapat kawasan rumah Pura Tanjung Sabtu yang tidak bersih kerana tidak dijaga dengan baik. Kajian ini hanya tertumpu di kawasan Kampung Tanjung Sabtu, Terengganu. Bab ini juga menjelaskan tentang metodologi kajian yang telah digunakan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Bab dua pula menghuraikan tentang kajian literatur dan aplikasi teori. Kajian literatur ini berkaitan tentang Warisan Budaya (Warisan ketara dan tak ketara), rumah

Pura Tanjung Sabtu dari segi sejarah, seni bina dan fungsinya. Di dalam bab ini juga turut membincangkan aplikasi teori yang digunakan dalam kajian iaitu teori Pembinaan Semula (Reconstruction) dalam Pemuliharaan di rumah Pura Tanjung Sabtu berdasarkan Piagam Burra (2013) bahawa dalam Perkara 20. Teori ini turut digunakan dalam pembinaan semula Istana Satu (Istana Pertama) dari Terengganu yang didirikan semula di atas tanah tersedia khas di belakang Muzium Negara di Kuala Lumpur sekarang (Mohamad Rasdi *et al*, 2005).

Bab tiga pula menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual dan kepustakaan manakala kaedah kuantitatif pula menggunakan kaedah soal selidik kepada responden. Pengumpulan data pula diperolehi melalui data primer dan sekunder. Data primer merupakan kaedah temu bual dan soal selidik, manakala data sekunder pula merupakan kaedah perpustakaan. Bab ini juga membincangkan tentang kaedah analisis data yang telah digunakan iaitu menggunakan analisis tematik daripada transkrip temu bual setelah memperoleh data melalui temu bual. Selain itu, data-data yang dikumpul berdasarkan soalan soal selidik dianalisis menggunakan kaedah deskriptif statistik.

Bab empat membincangkan analisis dapatan kajian hasil daripada temu bual dan soal selidik yang telah dijalankan. Antara perkara yang telah dihuraikan dan dianalisis dalam bab ini ialah mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu, mengkaji kerosakan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu dan menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan rumah Pura Tanjung Sabtu. Segala maklumat yang diperoleh daripada hasil temu bual bersama dua orang informan dianalisis dalam analisis tematik daripada transkrip temu bual. Manakala borang soal

selidik pula diedarkan kepada 183 orang di Kampung Tanjung Sabtu, Terengganu. Teori Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of participation*) dalam Pemuliharaan di rumah Pura Tanjung Sabtu.

## 5.2 Dapatan Utama

Masyarakat menggambarkan rumah Pura Tanjung Sabtu sebagai seni bina Terengganu yang telah lama ditinggal oleh kerabat diraja. Hal ini diketahui oleh pihak yang berminat dengan rumah Pura Tanjung Sabtu dan komuniti setempat yang majoritinya bermastautin di negeri Terengganu. Namun keadaannya yang kini uzur perlu dipulihara dan dipelihara oleh pihak berkepentingan dengan tindakan sewajarnya.

Dapatan kajian utama yang diperolehi daripada kajian ini terdapat beberapa aktiviti pemuliharaan yang telah dilaksanakan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu. Antaranya, pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Tanjung Sabtu telah menggunakan lapan ekar tanah di rumah Pura Tanjung Sabtu sebagai tanaman pisang. Pihak waris zuriat Tengku Ismail juga memanfaatkan empat ekar bagi pembinaan pondok tahniz.

Justeru itu, pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu perlu dilaksanakan agar dapat dikekalkan seni bina warisan Terengganu. Di samping itu, pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu dapat membuka ruang kepada sektor pelancongan. Hal ini dapat membantu peningkatan taraf ekonomi komuniti setempat dengan menyediakan peluang pekerjaan di rumah Pura Tanjung Sabtu.

Dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa tindakan pemuliharaan yang telah dijalankan dalam mengawal kerosakan yang berlaku di rumah Pura Tanjung Sabtu selain dapat mengenalpasti peranan rumah ini kepada masyarakat setempat. Dengan

kerjasama daripada pelbagai pihak seperti komuniti setempat, kerajaan negeri dan institusi pendidikan dapat membantu aktiviti pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu. Perkara ini dapat membantu mengekalkan warisan seni bina Terengganu untuk pengetahuan dan rujukan kepada generasi akan datang.

### **5.3 Cadangan**

Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negeri seperti rumah Pura Tanjung Sabtu adalah tanggungjawab yang perlu digalas oleh setiap individu bagi mengekalkan seni bina warisan Melayu yang semakin ditenggelam dengan bangunan moden. Melalui penglibatan semua pihak dapat menghasilkan seni bina yang berguna kepada generasi akan datang melalui pengetahuan serta tatapan ramai. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dalam memulihara dan memelihara rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu.

#### **5.2.1 Kajian Lebih Mendalam**

Daripada kajian ini, pengkaji berharap agar terdapat lebih ramai lagi pengkaji yang mengkaji dan mengupas perkara berkaitan rumah Pura Tanjung Sabtu. Ini kerana kebanyakan rujukan yang diperolehi berkaitan isu terkini dan kurang penceritaan sejarah secara menyeluruh dan mendalam berkaitan rumah Pura Tanjung Sabtu. Oleh itu, pengkaji mencadangkan untuk para pengkaji lain turut memfokuskan terhadap kajian dari segi seni bina dan pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu.

### **5.2.2 Hak Pemilikan Tanah**

Berdasarkan perolehan dapatan kajian, pengkaji mendapati kurang tindakan yang diambil oleh pihak pewaris harta bagi tanah pemilikan Tengku Ismail. Pengkaji berharap agar berlaku kesepakatan dalam kalangan ahli keluarga untuk menyelesaikan hak pemilikan tanah tersebut bagi memudahkan urusan pemuliharaan dan pembangunan sektor pelancongan. Dengan penyelesaian masalah ini sekaligus dapat membantu pelaksanaan usaha-usaha yang akan dibentangkan oleh pihak berkaitan seperti pihak JPKK Tanjung Sabtu sendiri yang memiliki pelbagai cadangan bagi pembangunan sektor pelancongan di rumah Pura Tanjung Sabtu.

### **5.2.3 Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memulihara dan memelihara rumah Pura Tanjung Sabtu**

Sesebuah masyarakat memainkan peranan penting bagi mengekalkan keaslian dan kesenian seni bina rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu. Hal ini kerana dengan adanya pembangunan sektor pelancongan di rumah Pura Tanjung Sabtu sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat dalam bahagian ekonomi mereka. Perkara ini dilihat melalui perniagaan yang dijalankan di sekitar rumah Pura Tanjung Sabtu seperti kedai makan, gerai jualan cenderamata serta pembukaan semula sektor perindustrian iaitu perusahaan songket disamping dapat meneruskan kembali legasi Tengku Ismail sebagai peminat songket.

Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dari segi pengetahuan kepada masyarakat serta pengkaji warisan akan datang. Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat memberi pendedahan jelas kepada orang ramai akan peranan pihak berkepentingan dalam memulihara rumah Pura Tanjung Sabtu. Selain itu, dengan kajian ini juga pengkaji berharap generasi muda dapat mengenali lebih lanjut seni bina

warisan di Malaysia. Pemuliharaan terhadap rumah Pura Tanjung Sabtu seharusnya menjadi titik permulaan dalam usaha mengekalkan rumah Pura Tanjung Sabtu di Terengganu seterusnya dapat memperkembangkan lagi kepada sektor pelancongan dan perindustrian di negeri ini.



## RUJUKAN

- Abdullah Sani, N., & Abet, M. (2021). The Potential of Developing a Heritage Village to Safeguard Intangible Cultural Heritage from the Perspectives of Stakeholders at Pura Tanjung Sabtu, Terengganu. *Proceedings of the First International Conference on Science, Technology, Engineering and Industrial Revolution (ICSTEIR 2020)*. 536. Kuala Nerus Terengganu: Atlantis Press. Didapatkan Mei 22, 2022, daripada <https://www.atlantis-press.com/proceedings/icsteir-20/125954024>
- Abdullah, M. (2012). *Warisan seni bina Melayu Terengganu*. Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Ahmad Sabri, F. S. (2021, April 4). 89 Bot 'Berlayar' Bersihkan Sungai Nerus. *Komuniti*. Kuala Nerus, Terengganu. Didapatkan dari <https://www.trdi.my/89-bot-berlayar-bersihkan-sungai-nerus>
- Ahmad Sabri, F. S. (2021, Mac 1). Pura Tanjung Sabtu Bangkit Kembali Sebagai Produk Pelancongan Komuniti. *Pelancongan*. Kuala Nerus, Terengganu. Didapatkan dari <https://www.trdi.my/pura-tanjung-sabtu-bangkit-kembali-sebagai-produk-pelancongan-komuniti>
- Amarudin, S. K. (2016, Mac 4). Masjid Cina di Ipoh jadi tumpuan. *Berita Harian*. Didapatkan Jun 22, 2022, daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/03/130546/masjid-cina-di-ipoh-jadi-tumpuan>
- Amirudin, N., M, P. I., & Abidin, Z. (2021). *Mencapai Tujuan Pendidikan Islam Di Era Modern Menurut Buku Filsafat Pendidikan Islam*. Didapatkan dari BAB III METODOLOGI PENELITIAN:  
<http://eprints.umg.ac.id/5298/7/BAB%203%20Z.pdf>

Arnstein, S. R. (1969). A Ladder Of Citizen Participation. *Journal of the American Institute of Planners*, 35(4), 216-224.  
doi:<https://doi.org/10.1080/01944366908977225>

Australia ICOMOS. (2013, Ogos 8). The Burra Charter: The Australia ICOMOS Charter for Places of Cultural Significance. Didapatkan dari chrome-extension://efaidnbmnnibpcajpcglclefindmkaj/http://openarchive.icomos.org/id/eprint/2145/2/The-Burra-Charter-2013-Adopted-31.10.2013.pdf

Azman, M. A., Mat Isa, N., Mohamad Sharif, A., & Mustapha , R. (2015). Mini Meja Tanggam (MMT). *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)* , 13-20. Didapatkan dari  
[https://www.academia.edu/31799889/Mini\\_Meja\\_Tanggam\\_MM](https://www.academia.edu/31799889/Mini_Meja_Tanggam_MM)

Baharudin, N. (2021). *Persepsi Komuniti Setempat terhadap Keistimewaan rumah Pura Tanjung Sabtu, Terengganu*. Universiti Malaysia Kelantan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan Library. Didapatkan Julai 22, 2022

Castleberry, A., & Nolen, A. (2018, Mac 3). Thematic analysis of qualitative research data: Is it as easy as it sounds? *Currents in Pharmacy Teaching and Learning*. doi:[10.1016/j.cptl.2018.03.019](https://doi.org/10.1016/j.cptl.2018.03.019)

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approches*. SAGE Publications.

Cycle, A. (2007). *amazonaws.com*. Didapatkan February 1, 2023, daripada Pura Tanjung Sabtu Retreat Terengganu, Malaysia: <https://s3.us-east-1.amazonaws.com/media.archnet.org/system/publications/contents/1652/original/FLS1896.pdf?1384750996>

- Deris, R. (2013). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Seni Bina Istana Tengku Long oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu*. Universiti Malaysia Sarawak, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Didapatkan Jun 23, 2022, daripada <https://ir.unimas.my/id/eprint/21164/>
- Endut, E. H. (1993). *Traditional Malaysian Built Forms: A Study of the Origins, Main Building Types, Development of Building Forms, Design Principles and the Application of Traditional Concepts in Modern Buildings*. Degree Thesis (Vol.1), University of Sheffield, Department of Architecture. Didapatkan dari [https://etheses.whiterose.ac.uk/14839/1/389486\\_vol1.pdf](https://etheses.whiterose.ac.uk/14839/1/389486_vol1.pdf)
- Flick, U., Metzler, K., & Scott, W. (2014). *The SAGE Handbook of Qualitative Data Analysis*. London, England: SAGE Publications Ltd.
- Geismar, H. (2015, Julai 11). Anthropology and Heritage Regimes. *Annual Review of Anthropology*, 44, 71-85. doi:10.1146/annurev-anthro-102214-014217
- Góral, A. (2015, January). *Cultural Heritage as a Shared Resource. The role of collaboration between stakeholders in Cultural Heritage Management*. Didapatkan dari ResearchGate: [https://www.researchgate.net/publication/305657488\\_Cultural\\_Heritage\\_as\\_a\\_Shared\\_Resource\\_The\\_role\\_of\\_collaboration\\_between\\_stakeholders\\_in\\_Cultural\\_Heritage\\_Management](https://www.researchgate.net/publication/305657488_Cultural_Heritage_as_a_Shared_Resource_The_role_of_collaboration_between_stakeholders_in_Cultural_Heritage_Management)
- Hajialikhani, M. (2008). A Systematic Stakeholders Management Approach for Protecting. *16th ICOMOS General Assembly and International Symposium: 'Finding the spirit of place – between the tangible and the intangible'*. Quebec. Didapatkan Julai 12, 2022, daripada

[http://www.international.icomos.org/quebec2008/cd/toindex/77\\_pdf/77-CP7D-12.pdf](http://www.international.icomos.org/quebec2008/cd/toindex/77_pdf/77-CP7D-12.pdf)

Howard, P. (2003). *Heritage: Management, Interpretation, Identity*. Leicester Univ Press. Didapatkan Jun 22, 2022, daripada <https://en.my1lib.org/book/810423/fb3875>

Jabatan Warisan Negara. (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. *Jabatan Warisan Negara.*

Jahari, A. (2021, April 29). *Istana ‘Mati’ Ikut Tuan? Ini Kisah Pura Tanjung Sabtu Yang Terbiar*. Didapatkan dari Soscili.my/: <https://soscili.my/istana-mati-ikut-tuan-ini-kisah-pura-tanjung-sabtu-yang-terbiar/>

Jamaludin, B. (2020, Januari 15). *Once loved Pura Tanjung Sabtu now abandoned and decaying*. Didapatkan 2022, daripada Bernama: <http://youth.bernama.com/v2/news.php?id=1806817&c=4>

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. Johor Darul Ta'zim. Didapatkan dari [https://www.researchgate.net/publication/293097563\\_Metodologi\\_Pengumpulan\\_Data\\_dalam\\_Penyelidikan\\_Kualitatitif](https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatitif)

Joshi, A., Kale, S., Chandel, S., & Pal, D. (2015). Likert Scale: Explored and Explained. *British Journal of Applied Science & Technology*, 7(4), 396-403. doi:10.9734/BJAST/2015/14975

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2022). *Jenis Warisan*. Didapatkan Mei 21, 2022, daripada Portal Rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia:

- [https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en](https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en)
- Kota Lama Duyong.* (2022). Didapatkan Mei 21, 2022, daripada Portal Rasmi Muzium Negeri Terengganu:  
<https://museum.terengganu.gov.my/index.php/muzium/tempat-bersejarah/kota-lama-duyong>
- Malaysia., & International Law Book Services. (2006). *Akta warisan kebangsaan 2005 (Akta 645), &, National heritage Act 2005 (Act 645): Hingga 15hb Mei 2006.* Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan: International Law Book Services.
- Masjid Abidin, Kuala Terengganu.* (2021). (Islamic Tourism Centre) Didapatkan dari Islamic Tourism Centre of Malaysia.: <https://itc.gov.my/listings/masjid-abidin-kuala-terengganu/>
- Md Yasin, M. (2015). *Kuliah 12 Analisis deskriptif dan inferensi.* Didapatkan dari Academia.edu:  
[https://www.academia.edu/6457276/Kuliah\\_12\\_Analisis\\_deskriptif\\_dan\\_inferensi](https://www.academia.edu/6457276/Kuliah_12_Analisis_deskriptif_dan_inferensi)
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research : a guide to design and implementation* (ed. 4th). San Francisco, CA: John Wiley & Sons.
- Mohamad Rasdi, M. T., Mohd. Ali, K., Syed Ariffin, S. A., Mohamad, R., & Mursib, G. (2005). *The Architectural Heritage of the Malay World The Traditional Houses* (ed. 1st). (P. P. Malaysia, Ed.) Skudai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamed Ali, M., & Arifin, K. (2020, April 1). Penglibatan Awam sebagai Pembuat Keputusan dalam Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan. *Akademika* 90, 151-163. doi:<https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-13>

Mohd Sahabuddin, M. (2016, Mei 13). *Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti*. (MajalahSains.Com) Didapatkan Julai 18, 2022, daripada Majalah Sains: <https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>

Nasir, A. H., & Wan Teh, W. H. (1997). *Warisan seni bina Melayu*. Bangi, Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nilson, T., & Thorell, K. (2018). *Cultural Heritage Preservation: The Past, the Present and the Future*. Halmstad: Halmstad University Press.

Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2013). Purposeful Sampling for Qualitative Data Collection and Analysis in Mixed Method Implementation Research. *Adm Policy Ment Health*. doi:10.1007/s10488-013-0528-y

Riadi, M. (2020, Mei 8). *Persepsi (Pengertian, Proses, Jenis dan Faktor yang Mempengaruhi)*. Didapatkan 7 22, 2022, daripada Kajianpustaka.com: <https://www.kajianpustaka.com/2020/05/persepsi-pengertian-proses-jenis-dan-faktor-yang-mempengaruhi.html>

*Rumah Tiang Kembar dan Rumah Limas (PSMCT), Terengganu*. (2020, Ogos 11). Didapatkan Mei 22, 2022, daripada Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara: <https://www.heritage.gov.my/rumah-tiang-kembar-dan-rumah-limas-psmct-terengganu.html>

Rumah tradisional usia ratusan tahun tarikan di Terengganu. (2021, Mac 13). *Sinar*

*Harian.* Didapatkan Jun 23, 2022, daripada

<https://www.sinarharian.com.my/article/128225/EDISI/Rumah-tradisional-usia-ratusan-tahun-tarikan-di-Terengganu>

Sheppard (Tan Sri Datuk Haji), M. (1969). Traditional Malay House Forms in Terengganu and Kelantan. *Journal of The Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, XLII(2).

Sinar Harian. (2019, Mac 15). Asal usul Masjid Abidin di Terengganu. *Sinar Harian*.

Didapatkan Jun 22, 2022, daripada

<https://www.sinarharian.com.my/article/18211/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Asal-usul-Masjid-Abidin-di-Terengganu>

Sthapitanonda, N., & Mertens, B. (2005). *Architecture of Thailand: A guide to traditional and contemporary forms* (ed. Editions Didier Millet). Singapore: Tien Wah Press Singapore. Didapatkan dari [www.edmbooks.com](http://www.edmbooks.com)

Taherdoost, H. (2016). Sampling Methods in Research Methodology; How to Choose a Sampling Technique for Research. *SSRN Electronic Journal*, 5(6), 18-27. doi:10.2139/ssrn.3205035

Tengku Daeng Mawelle. (2019, Disember 11). *Pura Tanjung Sabtu*. Didapatkan Mei 22, 2022, daripada Teregganu Daily Facebook:  
<https://m.facebook.com/404159116809636/posts/pura-tanjung-sabtu-gabungan-sebahagian-istana-dan-6-buah-rumah-melayu-tradisional/565952600630286/>

The Burra Charter: The Australia ICOMOS Charter for Places of Cultural Significance. (2013). *Australia ICOMOS Incorporated*. Australia. Didapatkan dari

<https://australia.icomos.org/wp-content/uploads/The-Burra-Charter-2013-Adopted-31.10.2013.pdf>

The Edge Markets. (2009, September 30). *King of His Castle*. Didapatkan dari The Edge Malaysia: <https://www.theedgemarkets.com/article/king-his-castle>

Thpanorama. (2022). *Apakah warisan kebudayaan yang ketara?* Didapatkan Mei 21, 2022, daripada Thpanorama: <https://ms.thpanorama.com/>

UNESCO. (2009). 2009 UNESCO Framework for Cultural Statistics (FCS). Quebec: UNESCO Institute for Statistics (UIS).

UNESCO. (2011, November 22-29). Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage. *Sixth session of the Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. Didapatkan Julai 1, 2022, daripada [chrome-extension://efaidnbmnnibpcajpcglclefindmkaj/https://ich.unesco.org/doc/src/15164-EN.pdf](https://ich.unesco.org/doc/src/15164-EN.pdf)

UNESCO. (2012, Julai). Operational Guidelines for the Implementation of the World Heritage Convention. *World Heritage Convention*. Didapatkan dari chrome-extension://efaidnbmnnibpcajpcglclefindmkaj/https://whc.unesco.org/archive/opguide12-en.pdf

Utusan Borneo. (2020, Januari 16). Pura Tanjung Sabtu, cantik tetapi terbiar. *Utusan Brunei Online*. Didapatkan Mei 22, 2022, daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2020/01/16/pura-tanjung-sabtu-cantik-tetapi-terbiar>

Vecco, M. (2010). A definition of cultural heritage: From the tangible to the intangible.

*Journal of Cultural Heritage*, 321-324. doi:10.1016/j.culher.2010.01.006

Walliman, N. (2011). *Research Methods the Basics*. London: Routledge.

Xu, W., & Zammit, K. (2020). Applying Thematic Analysis to Education: A Hybrid Approach to Interpreting Data in Practitioner Research. *International Journal of Qualitative Methods*, 19, 1-9. doi:10.1177/1609406920918810

Yatim, N. (2021, Mac 10). Terramalai himpun 11 rumah tradisional lebih 100 tahun.

*Sinar Harian*. Didapatkan Jun 23, 2022, daripada  
<https://www.sinarharian.com.my/article/127712/EDISI/Terramalai-himpun-11-rumah-tradisional-lebih-100-tahun>

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN